

قیتیقن قیته

PETIKAN TITAH

"NAMUN dalam pada itu, perlu juga diingat, kejayaan tidak akan dapat dicapai hanya dengan kekuatan fizikal sahaja, tetapi kekuatan sebenar turut bertunjang pada sifat-sifat dalaman, seperti setia, ikhlas, amanah dan berani".

- Titah Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-58 Tahun pada 26 Syawal 1440H / 30 Jun 2019M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

ڦلڊو

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42

TAHUN 65 / BILANGAN 29

7 MAC 2020 / 1441 رجب 12

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

Brunei DPMM FC tumpaskan Tampines Rovers FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersama paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan kerabat diraja yang lain berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Perdana Singapura di antara Brunei DPMM FC menentang Tampines Rovers FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Masri Osman,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Mac. - Brunei DPMM FC menang mudah di hadapan penyokong sendiri setelah berjaya menumpaskan Tampines Rovers FC dengan jaringan 2 - 0 pada perlawanan Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berserta kerabat diraja yang lain.

Ke muka 3

Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN bermula 9 Mac

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) akan dilangsungkan pada Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan dengan 9 Mac 2020 bertempat di Dewan Persidangan MMN, Jalan Dewan Majlis.

Ke muka 7

Pelan Strategik baharu perkukuhkan kesediaan, komitmen YSHHB

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus mengatur langkah ke hadapan melalui Pelan Strategik baharu untuk memperkuuhkan kesediaan juga komitmen YSHHB untuk memastikan kewujudannya terus relevan dan bertapak sebagai sebuah institusi amal yang mampan dan bereputasi.

Berpaksikan empat matlamat strategik dan dua belas objektif strategik, YSHHB akan mempertaruhkan pelan tindakan yang komprehensif bagi menghasilkan impak berkesan, meningkatkan jangkauan melalui aktiviti membangun 'Masyarakat Mandiri' juga jaringan kerja

bersama rakan strategik dan pelbagai agensi, melaksanakan program juga projek terancang dan memastikan khidmat sokongan yang cekap juga berkesan.

Berangkat menyempurnakan Pelancaran Buku Pelan Strategik YSHHB 2020 - 2025 ini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Ke muka 4

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan (pahala) sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti seperti (rosaknya pahala) orang yang membelanjakan hartanya kerana riayat (menunjuk-nunjuk) kepada manusia".

- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah al-Baqarah, ayat 264.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



HASRAT miliki tempat kediaman tercapai

Muka 8



JABATAN Penjara bertanggungjawab jamin kesejahteraan negara

Muka 9



TIGA karya penyair tempatan dikupas

Muka 10



KEINDAHAN sawah yang menenangkan

Muka 22

Tingkatkan pengetahuan, kemahiran daripada pakar Al-Quran

Bismillahir Rahmani Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

MENGADAP ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Beribuu ampuu,
Dengan penuh hormat dan takzim hamba Duli Tuanku dan juga mewakili Penasihat serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan juga Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun ini menyembah bermacam-jamak kasih yang setinggi-tingginya di atas perkenan Duli Tuanku berangkat ke Majlis Musabaqah pada malam ini, yang mana Duli Tuanku seterusnya akan mengurniakan sabda dan merasmikan Musabaqah yang penuh berkejayaan ini.

Disembahkan bahawa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan selama tiga malam ini adalah bagi Tahun Yang Ke-62. Pada malam pertama ini seramai empat orang peserta akan memperdengarkan bacaan masing-masing dan lapan orang akan memperdengarkan bacaan pada malam esok.

Disembahkan seterusnya bahawa pada tahun ini secara keseluruhannya seramai 66 orang peserta telah ikut bertanding di peringkat daerah bagi masjid-masjid seluruh negara. 42 orang telah berjaya memasuki Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan ditambah dengan 11 orang peserta menunggu termasuk seorang johan Majlis Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan tahun 2018. Dari jumlah 53 orang di Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan itu, 12 orang telah terpilih ke Musabaqah pada malam ini. Alhamdulillah kesemua peserta di semua peringkat adalah yang berusia di antara 18 hingga 39 tahun.

Disembahkan bahawa pada malam ini, Ahli-ahli Jawatankuasa Musabaqah telah mendatangkan seorang qari jemputan dari luar negara, iaitu Malaysia untuk mempersembahkan bacaan Al-Quran dan juga seterusnya menjadi pembimbing di dalam Bengkel Asas Tarannum Al-Quran bagi pelajar-pelajar pilihan dari Skim Tilawah Al-Quran Remaja STAR selama dua hari.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa sembah alu-aluan pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi pada Selasa (Malam Rabu), 4 Jamadilakhir 1441H / 28 Januari 2020M di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bengkel ini adalah yang pertama kali diadakan dengan melibatkan tenaga pengajar jemputan luar negara bersama qari dan qariah kanak-kanak dan remaja tempatan. Ia merupakan antara usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama di dalam menyuntik motivasi penuntut-penuntut sekolah dengan memberikan pendedahan dan peluang untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dari pakar Al-Quran.

Selain bengkel ini juga diadakan Bengkel Tarannum Al-Quran bagi para

"BENGKEL ini adalah yang pertama kali diadakan dengan melibatkan tenaga pengajar jemputan luar negara bersama qari dan qariah kanak-kanak dan remaja tempatan. Ia merupakan antara usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama di dalam menyuntik motivasi penuntut-penuntut sekolah dengan memberikan pendedahan dan peluang untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dari pakar Al-Quran. Selain bengkel ini juga diadakan Bengkel Tarannum Al-Quran bagi para peserta Peringkat Akhir Kebangsaan. Selanjutnya insyaaAllah Kursus Intensif akan diteruskan bagi qari dan qariah wakil negara ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur yang akan diadakan pada 6 hingga 11 April 2020".

peserta Peringkat Akhir Kebangsaan. Selanjutnya insyaaAllah Kursus Intensif akan diteruskan bagi qari dan qariah wakil negara ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur yang akan diadakan pada 6 hingga 11 April 2020.

Beribuu ampuu,

Demikianlah disembahkan. Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini, sekali lagi Hamba Duli Tuanku menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Duli Tuanku ke majlis ini. Demikian juga Hamba Duli Tuanku menjunjung kasih atas keberangkatan paduka adinda Duli Tuanku, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria dan ucapan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Tetamu-tetamu Khas; Timbalan-timbalan Menteri; Duta-duta; Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-diplomat Negara-negara Sahabat; Dhif-dhif yang dihormati; Para hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama bagi menjayakan majlis yang berkejayaan ini. Kerjasama dan sumbangan serta bantuan ikhlas oleh sekalian yang berkenaan adalah sangat dihargakan. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan ganjaran pahala yang selayaknya kepada mereka. Amin Ya Rabbal 'Alamin. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hamba Duli Tuanku menjunjung anugeraha.

Dari Sidang Pengarang.

7 MAC 2020 BERSAMAAN 1441 12

BERSABAR DALAM MENGHADAPI UJIAN

DUNIA dikejutkan dengan penyakit COVID-19 yang menyerang di seluruh dunia sehingga melumpuhkan pelancongan dan aktiviti-aktiviti sosial yang lainnya. Jutaan manusia di seluruh dunia terjeut dengan penyakit ini yang pada awalnya hanya dianggap wabak biasa tetapi mula menular apabila hampir di seluruh dunia ada saja yang terkena jangkitannya.

Wabak COVID-19 yang pada mulanya dikesan dalam pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan di tengah Republik Rakyat China yang kemudian menular ke seluruh dunia. Gejala termasuk demam, batuk dan kesukaran bernafas dan boleh membawa maut.

Walaupun kesan COVID-19 ketika ini adalah terkawal, namun wabak ini telah memberikan impak besar kepada ekonomi global termasuk negara kita. Antara impak serta merta terhadap ekonomi akibat penularan COVID-19 di peringkat serantau adalah penurunan kedatangan pelancong. Kesan yang lebih ketara turut melibatkan hotel, syarikat penerbangan, syarikat pelancongan dan perniagaan secara meluas. Kadar ketibaan pelancong yang berkurangan bahkan tidak ada sama sekali telah memberi impak negatif kepada pihak-pihak yang bergantung kepada industri pelancongan.

Akibatnya semua aktiviti pelancongan bagai mati. Tidak ada sebarang perjalanan dibuat ke negara China bahkan semua penerbangan disekat sama ada mendarat atau hanya sebagai transit sebelum meneruskan ke destinasi seterusnya.

Tidak dinafikan industri pelancongan mengalami kerugian yang sangat drastik. Tidak mustahil jika wabak ini berlarutan, pengangguran mungkin bertambah kerana keadaan ekonomi yang merudum.

Kepanikan dan kebimbangan yang dihadapi sekarang oleh seluruh penduduk dunia setentunya dapat diatasi dengan mengutamakan amalan kebersihan diri. Penghargaan kepada para doktor, jururawat, kakitangan perkhidmatan kesihatan, pegawai imigresen dan pegawai lain di barisan hadapan yang sentiasa bersiap sedia sudah memulakan langkah-langkah awal pencegahan dan bertungkus lumus memastikan negara kita selamat daripada wabak COVID-19.

Menyentuh mengenai penerbangan yang dihentikan buat sementara ini, Negara Brunei Darussalam juga mengambil langkah berjaga-jaga daripada menularnya penyakit tersebut di negara ini dengan menghentikan penerbangan dari negara China. Seterusnya penerbangan dari negara-negara lain juga kemudiannya dihentikan buat sementara waktu sehingga keadaan beransur-ansur pulih.

Antara yang paling terkesan ialah penerbangan ke Arab Saudi bagi mengerjakan Umrah. Setiap tahun ribuan Jemaah dari negara kita akan mengerjakan umrah dan dengan penghentian sementara ke destinasi ini menjadikan perancangan akan tertunda. Walau bagaimanapun sebagai umat Islam kita perlu redha dengan keadaan ini. Mungkin ada hikmah disebalkinya untuk menyedarkan kita supaya tidak lahai dan sentiasa beringat untuk menjaga kebersihan.

Seharusnya wabak ini memberi kesedaran kepada kita untuk mengutamakan kebersihan, baik di luar rumah maupun di dalam rumah. Marilah kita sama-sama fokus kepada pembendungan untuk mengawal virus ini daripada memasuki negara ini. Selain itu dengan doa dan tawakal, insyaaAllah negara kita akan terhindar dari wabak ini.

- Ketua Penyuntingan (Ri).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	24 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	32 °C	31 °C
24 °C	24 °C	24 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	32 °C	31 °C
24 °C	24 °C	25 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	32 °C	31 °C
24 °C	24 °C	25 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi MAC	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
7	SABTU	12	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33 7.42
8	AHAD	13	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.45	6.33 7.42
9	ISNIN	14	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33 7.42
10	SELASA	15	5.01	5.11	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33 7.42
11	RABU	16	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32 7.41
12	KHAMIS	17	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32 7.41
13	JUMAAT	18	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32 7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC 123 | 2380214

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji Cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
App
Google Play
Apple Store

Brunei DPMM FC tumpaskan Tampines Rovers FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Perdana Singapura (atas). Manakala gambar kanan, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima junjung ziarah.

Dari muka 1

Babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun skuad Brunei DPMM FC lebih bijak mengatur serangan setelah Charlie Clough berjaya membuka jaringan pada minit ke-23 hasil sepakan percuma Hendra Azam.

Tampines Rovers FC membuat beberapa serangan bahaya pada minit-minit terakhir separuh

masa pertama, tetapi gagal untuk menembusi gawang yang dikawal ketat oleh penjaga gol, Emerson Conceicao.

Masuk babak kedua perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan bertubi-tubi untuk membolos gawang lawan masing-masing, namun Brunei DPMM FC terus menguasai perlawanan dengan serangan balas pantas yang akhirnya membawa hasil apabila Andrei Varankou menjaringkan

gol kedua melalui gerakan bijak yang dilakukan oleh beliau pada minit ke-86 perlawanan.

Kedudukan 2 - 0 Brunei DPMM FC kekal hingga ke wisel penamat, sekali gus memberikan tiga mata penuh pada perlawanan pertama bagi Brunei DPMM FC.

Pertemuan seterusnya akan menyaksikan Brunei DPMM FC menentang Albirex Niigata Singapore FC di gelanggang sendiri pada 14 Mac ini.



GERAKAN Ketua Pasukan DPMM FC, Abdul Azizi Rahman cuba dihalang oleh pemain Tampines Rovers FC (atas). Sementara gambar kiri, penyerang Brunei DPMM FC Andrei Varankou cuba mengatur serangan sambil cuba dikawal oleh para pemain Tampines Rovers.



ABDUL Azizi Rahman melepaskan rembatan ke arah gawang Tampines Rovers (atas). Manakala gambar kiri, Azwan Ali Rahman mengawal bola sambil diasak oleh pemain lawan.

Pelan Strategik baharu perkukuhkan kesediaan, komitmen YSHHB



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

Dari muka 1

Pelan strategik ini diasaskan kepada dasar Penubuhan YSHHB, seperti termaktub dalam Akta Penubuhan YSHHB Penggal 166. Bertunjangkan kepada Visi 'Masyarakat Mandiri' dan Misi 'Mengurus Amal Jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda Secara Profesional, Cekap dan Penuh Dedikasi'. Pelan strategik ini akan menjadi panduan ke arah pengurusan pentadbiran yang lebih cekap dan strategik ke arah mencapai hasrat untuk mewujudkan masyarakat

yang proaktif dan inovatif, berdaya usaha sehingga pada penghujungnya MANDIRI tanpa mengharap kepada bantuan semata-mata.

Sebagai sebuah organisasi yang mendukung Wawasan Brunei 2035, pelan strategik ini mengadaptasi perspektif yang holistik, mencakupi pendekatan senegara yang mantap Whole Nation Approach dengan melibatkan kolaborasi daripada pelbagai agensi bagi sama-sama menangani isu-isu masyarakat masa kini, terutama dalam membasmi isu kemiskinan dan mengurangkan kadar pengangguran.

Empat Matlamat Strategik (Strategic Goals) diberi penekanan dalam Pelan Strategik 2020 - 2035 ialah Mengimbangi Pemedulian Keperluan Asasi; Mendukung Pencapaian Taraf



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa berangkat ke Majlis Perasmian Galeri Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Pelancaran Buku Pelan Strategik YSHHB 2020 - 2035 (atas dan kiri).

Sara Diri; Mendukung Pencapaian Pendidikan yang Berkualiti dan Saksama; dan Kemampanan Kewangan.

Pelan strategik tersebut juga menjurus kepada beberapa outcomes yang disokong enam strategi teras, iaitu Mengukuhkan Kerangka Dasar, Memanfaatkan Teknologi Bermaklumat, Memperkuatkannya Peranapranan, Meluaskan rangkaian dan Kerjasama, Meningkatkan Tahap Penjanaan dan Penggunaan serta Mempertingkatkan Pembarigaan.

Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penggerusi Lembaga Pengarah YSHHB dalam sembah alu-aluannya semasa Majlis Perasmian Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam (PPKKI) - YSHHB dan Pelancaran Buku Pelan Strategik YSHHB 2020 - 2025 bertempat di PPKKI - YSHHB, Rumah Semaun, Jalan Jerambak, antara lain menyembahkan keberangkatan DYTM ke majlis tersebut mencerminkan tanda keprihatinan mendalam dan berterusan DYTM ke atas usaha-usaha murni, bermakna dan berkesinambungan YSHHB untuk mempertingkatkan dan memperkembangluaskan perkhidmatan ke arah memeduli kesejahteraan Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat berkata, Pelan Strategik YSHHB digubal oleh satu Jawatankuasa Pandu Khas, diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB sesuai dengan masa dan keadaan, terutama dalam mendepani era revolusi 4.0. dengan berpaksikan Visi 'Masyarakat Mandiri' dan Misi 'Mengurus Amal Jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda'.

"Ia dibukukan buat pertama kalinya yang diharap akan menjadi rujukan ke arah mencapai hasrat untuk mewujudkan masyarakat yang proaktif dan inovatif, berdaya usaha serta pada penghujungnya MANDIRI tanpa mengharap semata-mata kepada bantuan," sebutnya.

Yang Berhormat menyembahkan, Galeri PPKKI - YSHHB adalah juga manifestasi salah satu rancangan Pelan Strategik YSHHB 2020 - 2025 ke arah mencapai Visi 'Masyarakat Mandiri'.

Menyentuh mengenai PPKKI - YSHHB, Yang Berhormat berkata, salah satu inisiatif yang dilaksanakan pada dekad ketiga Penubuhan YSHHB ialah dengan penubuhan PPKKI - YSHHB.

Pusat ini ujar Yang Berhormat, diharap dapat melahirkan tenaga pakar daripada kalangan Rakyat Negara Brunei Darussalam yang dapat menguasai dan mengembangkan ilmu seni Islam di negara ini, iaitu selaras dengan Wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Menurut Yang Berhormat,

pusat pengajian ini berjaya melaksanakan beberapa buah program pengajian setakat yang terdaya pada masa ini, iaitu dengan mengadakan Kursus Jangka Pendek dalam Penulisan Khat Peringkat Asas dan Lanjutan juga Reka Bentuk Seni Islam yang dibuka kepada orang ramai sejak tahun 2017.

Berkat ketekunan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus berkenaan, beberapa orang daripada mereka berjaya memanfaatkan kemahiran yang diperoleh dengan menghasilkan produk bagi menjana pendapatan sampingan dan sebahagian karya-karya mereka ditempatkan di ruang galeri pusat pengajian ini.

"Semoga usaha murni ini akan dapat sedikit sebanyak membantu pihak kerajaan dalam menangani masalah pengangguran, iaitu dengan menyediakan satu lagi kemudahan bagi pengembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada belia-belia, khususnya di samping memupuk dan menanam semangat keusahawanan dan sekali gus mencetus anjakan paradigma belia dari pencari pekerjaan kepada pemilik atau pengusaha perniagaan," sembah Yang Berhormat.



SEMBAH alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Penggerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

BACAAN Doa Selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.



DYTM berkenan Melancarkan Buku Pelan Strategik YSHHB 2020 - 2025.

Galeri PPKKI - YSHHB dirasmikan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI - YSHHB) merupakan sebuah institusi yang membantu YSHHB dalam usaha mengembangkan Syiar Islam melalui pengembangan dan penyebaran ilmu seni Islam dan pengajarannya di Negara Brunei Darussalam.

Beroperasi di Rumah Semaun, Jalan Jerambak, penubuhannya bertujuan untuk memberikan kemudahan perkhidmatan dalam mengembangkan pelbagai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran seni Islam terutamanya seni khat dan seni hiasan Islam.

Sehubungan itu, pelbagai hasil Karya Kaligrafi dan Kraf Kesenian Islam yang dihasilkan oleh anak-anak tempatan yang sebagiannya adalah untuk dijual, dipamerkan di Galeri PPKKI - YSHHB yang baru dirasmikan hari ini.

Galeri PPKKI - YSHHB tersebut diharatkan sebagai Pusat Tumpuan Kesenian Islam dan Kaligrafi bagi mengasuh bakat dan kemahiran, disamping memupuk minat dalam kalangan anak tempatan, khusus dalam seni khat jawi agar mereka dapat menandingi karya-karya serantau dan antarabangsa.

Berangkat menyempurnakan perasmian Galeri PPKKI - YSHHB tersebut ialah Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Penggerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Keberangkatan DYTM dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Timbalan Penggerusi 1 Jemaah Tadbir YSHHB; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Timbalan Penggerusi 2 Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penggerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Timbalan Penggerusi Lembaga Pengarah YSHHB; juga Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Sejurus perasmian, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung menyaksikan karya-karya seni kaligrafi di ruang Galeri PPKKI - YSHHB iaitu Galeri Lauhah Al-Islamiah, Galeri Al-Aswad dan Galeri At-Tasmeem.

Galeri Lauhah Al-Islamiah mempamerkan koleksi karya dan artifak dari luar negara juga menumpukan koleksi karya khat dan illuminasi (Zukhruf) PPKKI - YSHHB yang kebanyakannya menggunakan medium seperti kanvas dan 'Waraq Muqahhar' yang dihasilkan secara tradisional.

Manakala Galeri Al-Aswad pula mempamerkan karya-karya, artifak, proses tulisan yang berhubung kait dengan perkembangan Tulisan Jawi dalam Kesultanan Negara Brunei Darussalam dan dipamerkan dengan menggunakan teknologi *hologram*. Manakala tumpuan jenis khat ialah lebih menjurus kepada 'Khat Al-Mansub', iaitu tujuh seni khat yang sering digunakan dalam tamadun Seni Kaligrafi Islam.

Sementara Galeri At-Tasmeem mempamerkan koleksi hiasan dalam melalui kolaborasi bersama pengusaha-pengusaha tempatan dengan menggabungkan hasil seni khat dan reka bentuk dari Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, YSHHB.

DYTM seterusnya berangkat menyaksikan beberapa aktiviti dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di PPKKI - YSHHB seperti Dewan Al-Ma'rifah, Bilik Kuliah, Kedai Cenderahati Semaun, Kafe



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan merasmikan Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI - YSHHB).

Semaun, Bilik Muzakarah dan Musolla.

DYTM juga berkenan menerima dua buah pesambah. Pesambah pertama ialah merupakan Zukhruf (hiasan) Al-Quran yang dilakar dalam reka bentuk bunga kemboja yang mempunyai enam kelopak sebagai melambangkan Rukun Iman. Karya tersebut dihasilkan oleh Awang Muhammad Asyraaf bin Haji Ramli, salah seorang tenaga kerja di PPKKI - YSHHB.

Manakala pesambah kedua ialah gambar potret Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik yang dihasilkan menggunakan Seni Pertalian atau *String Art*. Karya yang menggunakan benang khusus ini sangat unik dan memerlukan kreativiti yang sangat teliti bagi menghasilkan bentuk dan imej yang sempurna. Karya tersebut dihasilkan oleh Awang Muhammad Miqdam bin Zaini, salah seorang pelajar yang menerima biasiswa daripada YSHHB bagi mengikuti Program Diploma Seni Mushaf di Kolej Restu, Malaysia.

PPKKI - YSHHB bertempat di Rumah Semaun mula beroperasi pada 22 Julai 2013, di mana langkah awal dalam pelaksanaan penubuhannya ialah menjalin kerjasama melalui Penandatangan Memorandum Persefahaman dengan beberapa institusi pengajian dalam bidang Kaligrafi Islam seperti Yayasan Restu, Malaysia; Pesantren Kaligrafi Al-Quran LEMKA, Indonesia dan OIC Research Centre for History, Art and Culture, Republik Turki.

Bagi melengkap pusat ini dengan tenaga manusia yang

berkemahiran dalam bidang seni Islam, YSHHB membiayai seramai 11 orang pelajar bagi mengikuti Program Diploma Seni Mushaf di Kolej Restu Shah Alam, Selangor, Malaysia secara berperingkat bermula pada tahun 2011 dan seramai tujuh orang daripadanya diambil untuk berkhidmat dengan pusat ini.

Memandangkan program-program pengajian secara formal masih dalam perancangan, pusat ini mengendalikan beberapa kursus jangka pendek dalam penulisan khat peringkat asas dan lanjutan dan juga reka bentuk seni Islam yang dibuka kepada orang ramai sejak tahun 2017.

Selain itu pusat ini juga menawarkan perkhidmatan penyelarian semula Buku Yaa Siin, Takhtim dan Doa-doa tulisan tangan dan menghasilkan karya-karya Kaligrafi berupa ayat-ayat daripada Al-Quran. Galeri PPKKI - YSHHB merupakan perkhidmatan terbaru yang disediakan oleh pusat ini.

PPKKI - YSHHB juga menyediakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun untuk disertai oleh orang ramai, termasuk para pelajar seperti bengkel seni khat dan reka bentuk Islam, seminar dan pertandingan seni khat.

Galeri PPKKI - YSHHB dibuka bagi kunjungan orang ramai, termasuk para pelajar dan pelancong setiap Isnin hingga Ahad, bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali Jumaat dibuka pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga 5.00 petang dan masuk adalah percuma.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menikmati santap sejurus merasmikan galeri tersebut.



DYTM berkenan menerima persembahan, iaitu gambar potret DYTM, yang dihasilkan menggunakan Seni Pertalian atau *String Art* (kiri), sementara gambar tengah, DYTM berkenan menyaksikan karya-karya Seni Kaligrafi di ruang Galeri PPKKI - YSHHB.

Perkembangan terkini COVID-19

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai perkembangan terkini mengenai Wabak Penyakit Coronavirus baharu (COVID-19) kepada orang ramai. Setakat 5 Mac 2020, sebanyak 93,865 kes COVID-19 dilaporkan di seluruh dunia.

Sebahagian besar daripada jumlah ini, iaitu sebanyak 80,409 kes adalah dilaporkan di Republik Rakyat China. Dalam pada itu, terdapat 156 kes yang dilaporkan di luar Mainland China, iaitu Hong Kong SAR (104 kes dan tiga kematian), Macau SAR (10 kes) dan Taiwan (42 kes dan satu kematian).

Bermula dari sekitar 22 Februari 2020, peningkatan yang ketara dilihat di negara-negara di luar Republik Rakyat China, di mana sebanyak 13,302 kes COVID-19 dengan 266 kematian dilaporkan di 77 buah negara seluruh dunia.

Susulan dengan ini, Kementerian Kesihatan meneliti semula penilaian risiko bagi negara-negara terjejas dengan mengambil kira profil jangkitan dan penularannya juga keadaan setempat. Berikut dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa mana-mana pelawat yang berada di Republik Islam Iran dan Itali dalam masa 14 hari sebelum tiba di Negara Brunei Darussalam adalah tidak dibenarkan masuk ke negara ini, termasuk bagi tujuan transit.

Larangan ini adalah sama dengan larangan yang sedia ada bagi pelawat-pelawat yang tiba dari Wilayah Hubei, Jiangsu dan

Zhejiang, Republik Rakyat China dan adalah dikecualikan bagi Rakyat juga Penduduk NBD.

Setakat 4 Mac 2020, semua negara yang terjejas oleh Wabak COVID-19 dibahagikan kepada empat kategori, iaitu :

Kategori 'A' - Negara-negara yang menunjukkan penularan jangkitan berterusan.

Termasuk : Mainland China, Itali, Republik Islam Iran, Republik Korea.

Kategori 'B' - Negara-negara yang menunjukkan penularan jangkitan yang terhad, tetapi kluster bersaiz besar dilaporkan.

Termasuk : Perancis, Jerman, Hong Kong SAR, Jepun, Singapura.

Kategori 'C' - Negara-negara yang menunjukkan penularan setempat.

Termasuk : Macau SAR, Malaysia (kecuali Sabah, Sarawak dan Labuan), Taiwan, Thailand, United Kingdom, Amerika Syarikat, Viet Nam.

Kategori 'D' - Negara-negara yang melaporkan *isolated cases* atau kes yang diimport.

Termasuk : Negara-negara lain yang terjejas.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengelakkan daripada membuat perjalanan yang tidak penting (*non-essential travel*) ke negara-negara yang tersenarai di dalam Kategori 'A', 'B' dan 'C'.

Dalam pada itu, orang ramai juga dinasihatkan untuk mengelakkan dari keluar negara pada musim cuti persekolahan yang akan menjelang tidak lama lagi.

Walau bagaimanapun, orang ramai yang melakukan perjalanan ke luar negara adalah dinasihatkan

untuk sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan mengutamakan amalan kebersihan diri bagi menghindari sebarang risiko jangkitan.

Ini adalah terutamanya bagi mereka yang berisiko tinggi, seperti penghidap penyakit kronik (diabetes, penyakit kardiovaskular, penyakit buah pinggang, penyakit respiratori dan kanser), warga emas juga perokok.

Bagi Rakyat dan Penduduk NBD yang pulang dari negara-negara yang disenaraikan di dalam Kategori 'A' adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari sebaik saja tiba di negara ini.

Pengasingan diri (*self-isolation*) bererti mengasingkan diri daripada menyertai aktiviti-aktiviti yang melibatkan orang awam dan ditegah dari keluar rumah atau menerima tetamu atau pergi ke tempat awam di sepanjang tempoh pengasingan kecuali untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Sesiapa yang memerlukan pengesahan pengasingan diri bolehlah menghubungi Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan menerusi talian +673 2380316 atau +673 2380318 pada waktu bekerja.

Manakala sesiapa yang baru tiba di negara ini dari negara-negara yang tersenarai di dalam Kategori 'B' dan Kategori 'C', hendaklah melakukan pemantauan diri (*self-monitoring*) tanpa perlu mengasingkan diri daripada orang lain.

Pemantauan diri (*self-monitoring*) bererti memantau kesihatan diri sendiri tanpa pengasingan diri selama 14 hari dan jika mempunyai simptom-simptom demam panas atau tanda-tanda jangkitan pernafasan, seperti batuk kering atau susah bernafas, perlu mendapatkan pemeriksaan

kesihatan dengan segera di Pusat-pusat Kesihatan.

Kementerian Kesihatan akan sentiasa mengemas kini senara negara-negara di dalam semua kategori mengikut situasi semasa.

Maklumat terkini mengenai negara-negara di dalam setiap kategori boleh diperoleh dengan menghubungi Talian Nasihat Kesihatan (*Health Advice Line*) +6732381380 atau +673 2381383 pada waktu bekerja atau dengan melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn/SitePages/COVID-19.aspx.

Alhamdulillah setakat ini, tidak ada kes jangkitan pernafasan akut teruk yang berkaitan dengan COVID-19 dikesan di NBD.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status kesihatan dua orang warga NBD yang dibawa pulang dari Wuhan, Republik Rakyat China pada 8 Februari 2020.

Kedua-dua mereka menamatkan tempoh pengasingan pada 22 Februari 2020 dan berada dalam keadaan sihat dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda jangkitan. Mereka juga menjalani ujian makmal bagi virus COVID-19 semasa tempoh pengasingan, di mana kesemua hasil ujian tersebut adalah negatif.

Sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk mengamalkan amalan kesihatan yang baik pada setiap masa, iaitu :

- Mengelakkan tahap kebersihan diri;

- Kerap membasuh tangan dengan air bersih dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau

bersin);

- Memakai penutup hidung dan muka (*mask*) jika awda mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan, seperti batuk atau selesesa;

- Menutup mulut dengan tisu ketika batuk atau bersin, dan membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera;

- Elakkan daripada mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau menunjukkan tanda-tanda penyakit, seperti demam panas, batuk atau sesak nafas;

- Elakkan daripada menziarahi orang yang sakit jika awda sendiri kurang sihat atau mempunyai tanda-tanda jangkitan; dan

- Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika awda berasa kurang sihat.

Kementerian Kesihatan akan terus mengelakkan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dan bekerjasama bersama pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga negara-negara jiran bagi mengawal keadaan ini.

Dalam hal ini, orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak berasa cemas dan panik. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan orang ramai dari masa ke masa mengenai sebarang perkembangan terkini dan apa jua langkah-langkah yang perlu dilaksanakan.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan (*Health Advice Line*) +673 2381380 atau +673 2381383 pada waktu bekerja atau Talian Darussalam 123 di luar waktu bekerja.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai jangkitan COVID-19, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn/SitePages/COVID-19.aspx.

Kementerian Pertahanan anjur Majlis Khatam Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) (atas), sementara gambar kiri, antara yang menyertai majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Mac. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020, Kementerian Pertahanan dan

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Surau Ad-Difa'.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pertahanan Kedua, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji

Ma'awiah.

Majlis turut dihadiri oleh Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera; Timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah - pengarah, Komandan-komandan; Pegawai-pegawai Kanan; dan Anggota anggota ABDB.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan Surah Adh-Dhuha dan

diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah. Di samping menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36, majlis tersebut juga diadakan untuk menggalakkan dan melestarikan amalan pembacaan Al-Quran bagi warga Islam di kementerian tersebut dan ABDB.

Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN bermula 9 Mac

Dari muka 1

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurnian titah sebagai bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN.

Persidangan MMN Musim Ke-16 tersebut akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan dibantu oleh Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerja Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar bersama Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Persidangan MMN memasuki usia 16 tahun persidangan sejak penubuhan semula pada tahun 2004 dan akan membincangkan dan meluluskan perkara utama, iaitu Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020 / 2021 untuk diguna pakai bermula pada 1 April 2020.

MMN ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negara Brunei 1959 dan Ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24. MMN dibubarkan pada tahun 1984 dan bersidang semula pada 25 September 2004.

Selain daripada Belanjawan Tahunan, Persidangan MMN juga akan membincangkan isu-isu dan cadangan-cadangan yang bermanfaat kepada negara dan rakyat yang diteliti juga dinilai kesesuaiannya secara terperinci mengikut keperluan dan keutamaannya.

Pada menjunjung titah baginda, perkara yang terus diberikan perhatian dan dijadikan fokus utama pada setiap persidangan adalah dalam membincangkan pelaksanaan strategi bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah mempelbagaikan ekonomi negara, dalam membincangkan mengenai pengemaskinan segala dasar peraturan juga prosedur supaya lebih telus dan teratur dan di dalam kepentingan pembangunan generasi belia juga kebijakan dan kesejahteraan rakyat juga penduduk negara ini.

Pada menanai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Persidangan MMN digunakan sebagai satu saluran atau platform bagi Ahli-ahli MMN mengemukakan buah fikiran dalam suasana bermuzakarah dan aman tenteram.

MMN ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negara Brunei 1959 dan Ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24. MMN dibubarkan pada tahun 1984 dan bersidang semula pada 25 September 2004.

Penubuhan persidangan ini adalah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-58 Tahun pada 15 Julai 2004.

Ahli-ahli MMN berjumlah 36 orang, terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Orang-orang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-wakil Yang Dilantik Dari Daerah-daerah.

Sesi Persidangan MMN ini adalah dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN.

Ia juga boleh dihadiri oleh mana-mana institusi pendidikan yang berminat untuk memberikan pendedahan kepada penuntut-penuntut atau mahasiswa dengan tatacara membincangkan sesebuah rang undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menghadiri Sesi Persidangan MMN adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan, khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara untuk masuk ke Dewan Majlis, termasuklah Peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan MMN.

Pada lazimnya, Sesi Persidangan MMN dibahagikan kepada Sesi Pagi yang bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari



PIHAK yang berhasrat untuk menghadiri Sesi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan, khususnya berkenaan dengan kod pakaian.

dan Sesi Petang yang dimulakan pada jam 2.00 petang hingga 4.30 petang. Bagi sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada pihak Urusetia MMN menerusi talian +673 2380501.

Lebih 1,000 belia sertai Khatam Al-Quran 36 Kali

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JANGSAK, Rabu, 4 Mac. - Lebih 1,000 belia daripada pelbagai institusi dan persatuan menyertai Majlis Khatam Al-Quran 36 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Acara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang diadakan serentak di keempat-empat daerah tersebut merupakan salah satu inisiatif Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 tahun

ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, dikepalai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan Bacaan Khatam Al-Quran mulai Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad, diketuai oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan diteruskan lagi dengan Bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh Mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat dan menyertai ribuan peserta Khatam Al-Quran 36 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Daerah Brunei dan Muara.

dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Doa Khatam dibacakan oleh Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2019, Awang Abdul Muin bin Haji Abdul Hamid, manakala Dikir Marhaban diketuai oleh Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Majlis diakhiri dengan Bacaan Doa 'Allah Peliharakan Sultan' dan 'Selamatkan Negara Brunei Darussalam' yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung

Jangsak, Awang Zulhazmi bin Salleh dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

Majlis itu merupakan kali ketujuh diadakan dengan penglibatan belia-belia daripada Persatuan-persatuan dan Pergerakan-pergerakan Belia; Pelatih PKBN; Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi; Penuntut-penuntut daripada Institusi Pendidikan Teknik Brunei, Sekolah Menengah dan Sekolah Ugama; Kelab-kelab Belia; Belia-belia Masjid; Majlis Perundingan Kampung dan Mukim; Agensi-agensi kerajaan dan swasta; juga belia-belia perseorangan.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri

Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu; Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari; juga Setiausaha Tetap dan Timbalan-setiausaha Tetap KKBS.

Majlis seumpamanya diadakan untuk menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai 'Negara Zikir', seterusnya dapat meningkatkan lagi penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan yang sudah setentunya berupaya menjadi benteng buat generasi belia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang juga sebagai pelapis dan penyambung kepimpinan pada masa hadapan.



PARA Pelatih Program Khidmat Bakti Negara yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran 36 Kali Khatam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36.

Hasrat miliki tempat kediaman tercapai



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyempurnakan Penyerahan Plak dan Sijil Kesiapan Rumah bagi Bantuan Rumah Baharu kepada para penerima bantuan berkenaan (kiri dan kanan).



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyempurnakan Penyerahan Bantuan Rumah Baharu kepada penerima yang terpilih.

TUTONG, Rabu, 4 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan berkaitan, sentiasa berusaha memeduli, meringankan kesulitan juga kesusahan yang

ditanggung oleh orang-orang susah, daif dan yang memerlukan bantuan, di mana kesejahteraan dan kebajikan untuk memenuhi hasrat mereka memiliki tempat kediaman yang selesa dan selamat untuk berteduh sentiasa diambil perhatian.

Sehubungan itu, berlangsung

Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Baharu kepada enam penerima, iaitu Awang Mohd. Mashuarat bin Abdullah Bungo; Awang Haji Yusof bin Haji Tuah; Awang Metussin bin Abdullah; Dayang Enny Kartini binti Masail; Dayang Raheemah binti Abdullah; dan Dayang Rohana binti Amas.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei, seterusnya menyerahkan plak dan sijil kesiapan rumah tersebut.

Rumah-rumah bantuan ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu rumah banglo yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga buah bilik tidur, sebuah ruang tamu, sebuah dapur, sebuah bilik mandi dan sebuah tandas. Manakala jenis rumah bertiang mempunyai sekurang-kurangnya tiga buah bilik tidur, sebuah ruang tamu, sebuah dapur, sebuah bilik mandi dan sebuah tandas.

Perbelanjaan bagi pembinaan rumah-rumah tersebut adalah melalui peruntukan Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam Brunei, Asnaf Fakir dan Miskin berjumlah BND401,804.38.



RUMAH bertiang mempunyai sekurang-kurangnya tiga buah bilik tidur, sebuah ruang tamu, sebuah dapur, sebuah bilik mandi dan sebuah tandas.

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

kerja-kerja pembinaan rumah, bermula pada 25 Oktober 2018 dan dijangka siap sepenuhnya pada 25 April 2020.

Hadir sama, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejjar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap Undang-Undang dan Kesejahteraan, Jabatan Perdana Menteri (JPM); Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam; juga Pegawai-pegawai kanan JPM dan KHEU.

Apa yang diharapkan, dengan adanya kemudahan ini, dapat membantu meringankan beban dan tanggungan, di samping memberikan keselesaan tempat tinggal juga kesempurnaan beribadah bagi para penerima rumah bantuan tersebut.

JAPEM anjurkan Majlis Khatam residen KRK

Siaran Akhbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM)

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Mac. - Bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme terhadap negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran bagi residen dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK).

Seramai 18 peserta lelaki dan empat peserta perempuan berjaya menghabiskan pembacaan 30 juz Al-Quran. Majlis berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejjar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; ibu bapa dan penjaga residen pegawai dan kakitangan di

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Acara diteruskan dengan bacaan khatam Al-Quran beramai-ramai, Takhtim dan Doa Khatam. Majlis juga diserikan lagi dengan Dikir Marhaban beramai-ramai dan penyampaian sijil penyertaan juga pengagihan bunga telur oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada peserta khatam.

Antara lain tujuan majlis itu diadakan ialah sebagai galakan untuk memantapkan mutu bacaan Al-Quran juga mendidik penghuni dan residen untuk sentiasa membaca, mencintai juga mendengar Al-Quran sebagai amalan hidup sehari-hari.

Majlis Khatam itu diharap dapat melahirkan generasi muda yang cintakan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berucap pada Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66, Tahun 2020.

TUTONG, Khamis, 5 Mac. - Berdasarkan kepada kesalahan-kesalahan yang dijatuhkan kepada penghuni-penghuni masa ini, kesalahan curi dan dadah masih merupakan dua kesalahan yang

tertinggi dan perkara ini adalah sangat membimbangkan, terutama sekali yang memabitkan para belia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berucap demikian pada Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66, Tahun 2020 yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Jabatan Penjara, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri, adalah mustahak bagi Jabatan Penjara untuk terus bekerjasama dengan agensi-agensi lain, termasuk juga Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung bagi mengurangkan keskes ini

berlaku dalam masyarakat kita.

"Ke arah ini salah satu daripada usaha Jabatan Penjara ialah bagi mengurangkan kadar residivis, iaitu kemasukan semula. Saya telah difahamkan bahawa Jabatan Penjara telah dapat mencapai sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) berdasarkan kadar residivis *cohort* tahun 2015 ialah 15.73 peratus, dan menurun bagi *cohort* 2016 kepada 9.69 peratus dan terus menurun kepada 7.77 peratus bagi *cohort* 2017," ujarnya.

Menurut Yang Berhormat, kadar penurunan residivis bagi *cohort* untuk tempoh tiga tahun, iaitu dari tahun 2015 hingga 2017, membuktikan bahawa sebahagian besar program-program pemuliharaan *in-care* dan *after-care* yang dirancang juga dilaksanakan oleh

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Jabatan Penjara memberikan impak yang positif kepada penghuni-penghuni.

Jelasnya, semoga sasaran (KPI) Jabatan Penjara bagi *cohort* 2020, iaitu pengurangan residivis di bawah kadar 15 peratus akan terlaksana dengan jayanya.

Selain itu, Yang Berhormat juga menjelaskan, dalam memantapkan lagi pengurusan kepenjaraan, Jabatan Penjara haruslah merancang perkembangan tenaga manusia dengan baik dan teratur.

"Dalam menghadapi revolusi perindustrian keempat, Jabatan Penjara perlu memikirkan semula dasar dan strategi untuk menangani keperluan kerja

yang akan berubah dalam masa akan datang. Ia akan memberi impak, bukan sahaja kepada cara kerja pegawai dan kakitangan, tetapi juga mengubah jenis *skillset training* kepada penghuni penjara yang mengikuti Program Peningkatan Pemulihan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyeru kepada seluruh warga Jabatan Penjara agar sentiasa menerokai ilmu pengetahuan yang lebih luas, berinovatif, berdaya tahan, berkeyakinan juga melipat gandakan usaha ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Jabatan Penjara bertanggungjawab jamin kesejahteraan negara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (duduk, dua dari kiri) menyaksikan Majlis Penandatanganan Skim Takaful Berkelompok Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara bersama Syarikat Takaful Brunei Am Sdn. Bhd.

TUTONG, Khamis, 5 Mac. - Dalam mencapai usia genap 66 Tahun Penubuhan, Jabatan Penjara terus memainkan peranan dan

tanggungjawab bagi menjamin keharmonian juga kesejahteraan negara.

Sehubungan itu, Upacara

Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66, Tahun 2020 berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Acara didahului dengan memeriksa barisan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan kemudiannya Pegawai Pemerintah Perbarisan meminta kebenaran untuk menjalankan tugas-tugas seterusnya.

Sejurus selesai upacara berkenaan, para jemputan beredar ke Dewan Silaturahim, Pusat Latihan Jabatan berkenaan bagi Majlis Penandatanganan Skim Takaful Berkelompok Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara bersama Syarikat Takaful Brunei Am Sdn. Bhd. juga Penyampaian Sijil dan Hadiah Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara Tahun 2020.

Menandatangi bagi pihak

Syarikat Takaful Brunei Am Sdn. Bhd., Pengarah Urusan, Awang Haji Shahridin bin Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya, manakala bagi pihak Jabatan Penjara ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Muhammad 'Isamuddin bin Abdullah Juna.

Yang Berhormat seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan plak kepada 20 orang penerima anugerah berkenaan.

Penganugerahan tersebut diberikan kepada pegawai atau kakitangan sebagai penghargaan dan pengiktirafan jabatan terhadap jasa dan perkhidmatan yang cemerlang.

Pada majlis tersebut, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa orang penerima anugerah berkenaan yang melahirkan perasaan gembira.

Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas penganugerahan itu dan mudah-mudahan baik pada penilaian manusia, baik jualah pada pandangan-Nya, apa yang

penting bagi diri beliau ada dua, pertama mencari reda Allah dan kedua memberi manfaat kepada orang lain.

"Maksud mencari reda Allah ialah memperbetulkan niat kita bekerja hanya kerana Allah, pastikan tugas atau kerja yang dilakukan tidak bercanggah dengan syariat dan undang-undang serta peraturan Jabatan, tidak meninggalkan tanggungjawab terhadap Allah, terutama sekali solat dan menjaga hubungan silaturahim, sama ada bersama rakan-rakan sekerja, penghuni-penghuni penjara dan sebagainya," jelasnya.

Manakala bagi Koperal 477 Awang Mohammad Faizel bin Haji Ahmad, bertugas di Penjara Maraburong Fasa 1, Bahagian Pemulihan Ketua Unit Kaunseling (Pengawalan) pula menjelaskan, sikap disiplin, tata kerja yang teratur, sentiasa mendengar arahan ketua-ketua bahagian, menyelesaikan tugas-tugas yang diarahkan setiap masa, di samping itu, berfikiran terbuka dalam menerima teguran dan nasihat untuk memperbaiki cara kerja juga sentiasa bekerjasama dengan rakan lain.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memeriksa barisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66, Tahun 2020 yang berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara.



PENOLONG Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali melahirkan rasa syukur.



KOPERAL 477 Awang Mohammad Faizel bin Haji Ahmad bertugas di Penjara Maraburong.

Tiga karya penyair tempatan dikupas



PROFESOR Madya Dr. Ampuan Haji Brahim (kanan) dalam Seminar Bedah Karyanya membentang dan mengulas buku mengenai 'Negara Zikir', hasil karya Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned atau lebih dikenali sebagai 'Adi Rumi'.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Rabu, 4 Mac. - Seminar Bedah Karya mengumpulkan medan penulis dan penggiat seni sastera tempatan sebagai tempat pertemuan penulis / penggiat seni sastera untuk membincangkan dan menganalisis hasil-hasil karya seni.

Sehubungan itu, Akademi UF menganjurkan Seminar Bedah Karya 'Penyair 3 Serangkai' (Badaruddin H.O., Adi Rumi, Yahya M.S) sempena Pesta Buku Brunei 2020, di Bilik Bengkel 2, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Karya-karya 'Penyair 3 Serangkai' (Badaruddin H.O., Adi Rumi, Yahya M.S) diulas dan dibincangkan secara analitis oleh tiga orang pembicara karya yang merupakan pakar, pengkaji dan penyelidik sastera terdiri dari Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah; Dr. Haji Morsidi bin Haji Mohammad; dan Penolong Profesor Kanan, Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong.

Terdahulu, Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim dalam Bedah Karyanya membentang dan mengulas buku mengenai 'Negara Zikir', hasil karya Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned atau lebih dikenali sebagai 'Adi Rumi'.

Menurut beliau, buku 'Negara Zikir' itu mengandungi tujuh bahagian atau tajuk kecil, iaitu Pendidikan Zikir; Ekonomi Zikir; Sistem Zikir; Sosial Zikir; Adat Istiadat Zikir; Undang-undang Zikir; dan Pertahanan Zikir yang memperlihatkan jalan fikiran pengarang yang jelas dan terarah semasa menulis puisi panjang tersebut.

Di samping itu, 'Puisi Negara Zikir' jelasnya dianggap sebagai sebuah teks akademik mengenai 'Negara Zikir' yang disampaikan melalui puisi panjang dengan gaya bahasa personal yang mudah

difahami dan berkesan.

Anggapan tersebut adalah berdasarkan beberapa ciri, antaranya isi dan bentuknya bertunjang Al-Quran dan Al-Hadis; mempunyai catatan kaki yang merupakan salah satu ciri buku ilmiah; mempunyai tajuk-tajuk kecil bagi memperdalamkan pembicaraan satu-satu topik yang bertujuan untuk memperluas dan memberikan kefahaman tentang 'Negara Zikir'; terdapat teks lain dimasukkan, misalnya Hukum Kanun Brunei, Pak Pandir, Perang Castilla, Umar bin al-Katab dengan panglimanya dan lain-lain; menampilkan Gaya Bahasa seperti menyampaikan syarah, perbualan, dakwah dan dialog; menggunakan pengulangan pada kata, frasa dan ayat yang berfungsi sebagai penekanan pengucapan; menggunakan istilah atau kata-kata yang memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca; bersifat personal dengan menggunakan aku dan kau; dan juga menyolat pembaca.

Namun, Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim dalam pembentangannya mengetengahkan karya 'Negara Zikir' itu daripada perspektif Talibiyah (pendidikan) yang mengkehendaki pemeliharaan, misalnya memelihara pendidikan itu sendiri dengan menguatkan dasar dan meluruskan sistemnya kerana pendidikan itu adalah nawa kehidupan.

Di sini menurut beliau, pengarang menjelaskan bahawa dasar yang baik itu adalah dasar zikir (yang dimaksudkan dengan istilah 'mendongak ke langit') dan sistem yang lurus adalah sistem zikir yang bererti melakar, melaksana dan memakai semua panduan dan etika yang tidak bertentangan dengan hukum syarak dan aspirasi bangsa.

"Pengarang yakin kedua-dua dasar ini akan menjadikan kita maju kerana ia telah diajar oleh Maha Pencipta melalui kalam dan pemberian-Nya," ujar beliau.

Manakala pendidikan yang berupa penambahan ilmu jelas beliau, tentunya dilihat dari segi penukaran, daripada sesuatu yang sudah lama diamalkan, kemudian diganti dengan sesuatu yang baru selari dengan ajaran Islam

dan pendidikan adalah peningkatan atau pertumbuhan, yang mana sesuatu yang melebihi daripada sesuatu yang adalah diperkirakan sebagai peningkatan atau pertumbuhan, misalnya dari segi sistem demokrasi yang dibanggakan pada masa ini sebenarnya sistem demokrasi yang ditunjang oleh Islam.

Di akhir puisi, jelas Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim lagi, pengarang menyatakan harapan yang optimis bagi mewujudkan 'Negara Zikir' dengan acuan sendiri yang melambangkan keunikan, jati diri bangsa Melayu Brunei yang berlainan daripada negara-negara lain di dunia ini.

Sementara itu, buku 'Surat-Surat Kemerdekaan', hasil karya Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Yahya, atau nama penanya 'Yahya M.S' dikupas dan dibentangkan oleh Dr. Haji Morsidi bin Haji Mohammad.

Pada pembentangan tersebut, Dr. Haji Morsidi berpendapat bahawa karya 'Kumpulan Puisi Surat-Surat Kemerdekaan' didapati lebih didominasi oleh puisi-puisi yang membawa persoalan patriotisme, dan semangat kebangsaan; dan kedua ialah lebih menekankan jati diri, di mana ini tergantung kepada mesej utama yang ingin disampaikan oleh penyair, Yahya M.S.

Kesimpulannya menurut beliau, penyair banyak menggunakan Dialek Brunei dalam puisi yang terkandung dalam kumpulan puisi ini, terutama puisi yang membawa persoalan jati diri, dan yang berkaitan dengan nilai budaya dan warisan.

"Penggunaan Dialek Brunei ini memperkuat lagi puisi-puisi yang juga mengungkapkan kerana ada beberapa

bahagian dalam puisi beliau harus menggunakan Dialek Brunei supaya menepati makna yang ingin disampaikan," Dr. Haji Morsidi lagi.

Manakala, buku 'Koleksi Puisi Episod - Episod SI AWANG', karya Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, atau lebih dikenali sebagai 'Badaruddin H.O.', dianalisis dan diulas oleh Penolong Profesor Kanan, Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong.

Seminar Bedah Karya, selain bertujuan untuk mengapresiasi, evaluasi dan mendalami sesbuah karya itu, ia juga mengenalkan juga mengangkat penulis dan karyanya kepada masyarakat.



PAKAR, pengkaji dan penyelidik sastera terdiri daripada Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim (tengah); Dr. Haji Morsidi bin Haji Mohammad (kiri); dan Penolong Profesor Kanan, Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong (kanan).



ANTARA yang hadir pada Seminar Bedah Karya 'Penyair 3 Serangkai' (Badaruddin H.O., Adi Rumi, Yahya M.S) tersebut.

Mengembangkan kemahiran seni Islam

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI - YSHHB) adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan dengan hasrat untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan dalam mengembangkan pelbagai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran seni Islam, di samping usaha dalam memartabatkan tulisan Jawi, khususnya Kaligrafi Islam.

Demikian yang dijelaskan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB ketika ditemui oleh Pelita Brunei di PPKKI - YSHHB.

Maka sesuai dengan tujuan ini jelasnya, rancangan disediakan dalam memastikan pusat berkenaan berfungsi sebagai pusat yang menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang Seni Kaligrafi Islam.

"Galeri ini dihasilkan menjadi pusat tumpuan Kesenian dan

Kaligrafi Islam yang dibuka kepada orang ramai (semua peringkat umur) sebagai pendedahan kepada kesenian Islam. Kita mahu memperlihatkan Kesenian Islam melalui pelbagai hasil karya daripada lukisan, kraf tangan, aplikasi kaligrafi dalam reka bentuk dalam masjid-masjid baharu menggunakan teknologi terkini dan pelbagai media," ujarnya.

Di samping itu tambanya, galeri tersebut dihasilkan sebagai satu lagi avenue bagi mengasuh bakat dan kemahiran juga memupuk minat dalam kalangan anak tempatan dalam seni khat yang hasilnya nanti insyaaAllah akan dapat menjana pendapatan.

"Alhamdulillah, Galeri Kaligrafi dan Kesenian Islam ini bukan sahaja menyediakan ruang pameran, malah juga menyediakan pelbagai program dan aktiviti yang boleh disertai oleh para pengunjung, di samping menyediakan beberapa kemudahan seperti bilik sembahyang (*musala*), bilik bengkel bagi latihan bimbingan dan tempat bengkel (ataupun *calligraphy playground*) bagi



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

menghasilkan karya seni khat, kedai cenderamata dan kafe," tambahnya lagi.

Adalah diharapkan agar Galeri PPKKI tersebut akan dapat menjadi sumber inspirasi kepada setiap pengunjung dan usaha menyiaran agama Islam dan penulisan Jawi akan kekal berkembang, selain melihat potensi bakat anak-anak tempatan di taraf antarabangsa.

Mesyuarat tangani kejadian kebakaran Musim Kemarau

Siaran Akbar dan Foto : Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Mesyuarat Koordinasi Pelbagai Agensi bagi Menangani Kejadian Kebakaran Hutan dan Rumput semasa Musim Kemarau diadakan di Bilik Persidangan At-Tafkir, Tingkat 1, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud.

Tujuan mesyuarat ialah bagi mengenal pasti langkah-langkah kesiapsiagaan agensi-agensi berkepentingan dalam menghadapi Musim Kemarau dan cuaca kering, termasuk kejadian kebakaran hutan dan rumput. Selain itu, mesyuarat juga membincangkan tentang persediaan logistik, keanggotaan dan tindakan bersepada di antara agensi kerajaan bersama sektor swasta bagi menangani musim kemarau juga usaha-usaha dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai impak cuaca kering.

Mesyuarat juga mendengarkan

taklimat yang disampaikan oleh Jabatan Kajicuaca bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP). Menurut Jabatan Kajicuaca, pada masa ini, negara sedang memasuki Monsun Timur - Laut yang dijangka bermula pada Disember 2019 hingga Mac 2020.

Sepanjang Monsun itu, Negara Brunei Darussalam akan mengalami turunan hujan yang terendah, berbanding bulan-bulan lain. Keadaan sedikit kering akibat pengurangan aktiviti turunan hujan dan peningkatan suhu udara melebihi 34 derjah selsius direkodkan semasa musim ini, di mana mengakibatkan risiko dan kejadian kebakaran hutan dan rumput tinggi di sepanjang musim ini.

Berdasarkan statistik (Januari hingga Februari 2020) kebakaran hutan dan rumput yang direkodkan oleh JBP, sebanyak 370 panggilan kebakaran diterima yang menjelaskan hampir 375 hektar hutan di keempat-empat daerah. Sebanyak 20 buah Balai Bomba diaktifkan bagi menangani insiden kebakaran tersebut.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kerja Raya, Pegawai-pejawai

Daerah, Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Pemangku Pengarah JBP, Pegawai-pejawai Kanan dan wakil dari agensi-agensi yang berkepentingan, seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Jabatan Kajicuaca, Radio Televisyen Brunei, Perkhidmatan Kecemasan Ambulans Perubatan (EMAS), Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) dan wakil daripada agensi swasta, Syarikat Brunei Liquefied Natural Gas Sdn.



MESYUARAT Koordinasi Pelbagai Agensi bagi Menangani Kejadian Kebakaran Hutan dan Rumput semasa Musim Kemarau di Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC).

Penutupan sementara jalan di Daerah Temburong

Siaran Akbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan orang ramai, terutama Penduduk di Daerah Temburong mengenai Penutupan Sementara Jalan dan Tempat Letak Kereta di antara Kedai 12 Pintu dan Kedai Rakyat di Pekan Bangar.

Penutupan tersebut adalah bagi memberi laluan Projek Pembinaan Pekan Bangar - Temburong - Pedesterian Walkway (di mana ia adalah di bawah Autoriti Kemajuan Daerah Temburong) agar dapat dilaksanakan dengan lancar.

JKR juga ingin memaklumkan bahawa sepanjang projek tersebut dilaksanakan, kedai-kedai di kawasan berkenaan akan masih beroperasi seperti biasa.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak mendekati kawasan-kawasan pembinaan projek dan mematuhi tanda-tanda lalu lintas yang disediakan juga memandu dengan perlahan ketika mendekati kawasan berkenaan bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua pihak.

Sebarang pertanyaan serta aduan, orang ramai bolehlah menghubungi JKR melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 833123, Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam atau e-mel : pro@pwd.gov.bn.

JPD perkenal kemudahan pembayaran tanpa wang tunai

Siaran Akbar :
Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Mac. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi suka-cita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bermula 17 Februari 2020, JPD memperkenalkan kemudahan pembayaran tanpa wang tunai di kaunter-kaunter perkhidmatan, Bangunan Ibu Pejabat JPD, Gadong.

Kemudahan pembayaran tanpa wang tunai bertujuan untuk memudahkan urusan orang ramai; menyediakan jaminan keselamatan dan mengurangkan ketidakselesaan orang ramai yang menguruskan pembayaran, terutama dengan jumlah wang tunai yang banyak.

Di samping itu, menggalakkan orang ramai agar cenderung membuat transaksi pembayaran tanpa wang tunai sebagai salah satu inisiatif meningkatkan mutu perkhidmatan JPD melalui penggunaan kemudahan digital sesuai dengan perkembangan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT).

Sehubungan ini, selain daripada pembayaran secara tunai, orang ramai, khususnya para pelanggan JPD sekarang mempunyai pilihan dan dialu-alukan untuk membuat transaksi pembayaran tanpa wang tunai menggunakan kad-kad kredit atau debit di Kaunter-kaunter Membaharui Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu; Kaunter Tukar Milik; dan Kaunter Pendaftaran Bilangan atau Tanda Pengenalan Kenderaan, di Bangunan Ibu Pejabat JPD, Gadong.

Kemudahan transaksi pembayaran tanpa wang tunai ini juga akan dilaratkan ke Cawangan-cawangan JPD di setiap daerah dalam masa terdekat.

Di kesempatan ini, JPD ingin memohon kerjasama dan sokongan orang ramai dalam usaha berterusan jabatan tersebut untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam JPD menerusi talian +673 2451980 / 81 / 82 sambungan 111 pada waktu bekerja atau e-mel ke info_ltd@land-transport.gov.bn.

Bhd. (BLNG).

Orang ramai dan pengguna jalan raya adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak

Bomba dan Penyelamat menerusi Talian JBP 995 jika berlakunya sebarang kejadian kebakaran hutan dan rumput.

SR Rataie juara Pertandingan Menambang Syair



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu kehormat (lima, kiri) bergambar ramai bersama juara Pertandingan Menambang Syair 'Permata Nilam Mutiara' bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2020, Sekolah Rendah (SR) Rataie, Mukim Bukok, Temburong (kiri), sementara gambar kanan, antara yang hadir menyaksikan pertandingan tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

BERAKAS, Jumaat, 6 Mac. - Sekolah Rendah (SR) Rataie, Mukim Bukok, Temburong menjuarai Pertandingan Menambang Syair 'Permata Nilam Mutiara' bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2020.

Sementara, Sekolah Al-Falaah dan SR Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, masing-masing menyandang naib juara dan tempat

ketiga pertandingan tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan di Pentas Pesta Buku, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato

Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Sebanyak 16 buah sekolah menyertai di peringkat saringan yang diadakan pada 29 Februari dan 2 Mac 2020 lalu di Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Setiap pasukan dikehendaki untuk Menambang Syair dengan menggunakan Irama Tambang Begawan; Tambang Siti Zubaidah; Tambang Si Mercu Gunung; Tambang Beranyut; Tambang Berunggai Lanjar dan Tambang Dendang Beradu.

Syair yang dibawakan pula hendaklah dipetik sebanyak 10 rangkap cuplikan daripada Syair Madah Permata; Syair Mutiara Darussalam dan Syair Nilam Jauhari. Pertandingan yang diadakan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan mendedahkan kemahiran Menambang Syair kepada para pelajar SR.

Ia juga untuk memartabatkan dan memperkasa penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan

para pelajar SR, selain mengangkat dan mengetengahkan karya-karya syair tempatan.

Selain itu, pertandingan ini berobjektif untuk mengembangkan bakat dan menggilap potensi para pelajar dalam Penambangan Syair Tradisi Brunei, di samping membolehkan para pelajar menghayati dan berkongsi nilai murni juga pengajaran umum yang diperoleh melalui Syair Ibnu 'Abdir - Raheem yang disampaikan.



Pupuk budaya kitar semula kalangan masyarakat

MEDIA massa semakin kerap menyiarakan isu-isu pembuangan sampah yang tidak teratur. Pembuangan sampah seperti botol-botol, pembungkus makanan dan kantung-kantung yang diperbuat daripada plastik telah berlarutan sekian lama. Daratan, laut dan sungai kini semakin dipenuhi sampah sarap. Perkara ini mengundang pencemaran alam sekitar yang membahayakan kesihatan manusia dan kemasuhan ekosistem kehidupan liar.

Tidak dinafik bahawa manusia adalah punca kepada pencemaran dan kemasuhan ini. Langkah utama bagi mengatasi masalah ini ialah pengamalan budaya kitar semula. Disebabkan pencemaran yang semakin berleluasa

dan bahan mentah dunia yang semakin berkurangan, adalah perlu untuk kita mengamalkan budaya ini kerana terdapat kebaikan-kebaikan yang diperoleh darinya.

Salah satu kebaikan kitar semula ialah pengurangan kesan rumah hijau. Penghasilan barang baharu daripada bahan mentah akan menggunakan lebih banyak tenaga berbanding menghasilkan barang baharu daripada barang yang dikitar semula. Penggunaan tenaga di kilang akan mengeluarkan gas-gas seperti karbon monoksida, sulfur oksida dan metana merupakan punca kesan rumah hijau yang memberi impak kepada pemanasan global.

Di samping itu, pengamalan budaya

kitar semula akan dapat mengurangkan atau mengawal penggunaan bahan mentah dunia. Bahan mentah seperti kayu, minyak dan gas yang majoritinya digunakan untuk menghasilkan tenaga kilang semakin berkurangan. Jika penggunaan bahan mentah dapat dikawal, kita akan dapat mengurangkan kemusnahan alam sekitar akibat daripada proses penggalian atau perolehan bahan mentah.

Selain itu, budaya kitar semula akan dapat menambah pendapatan kita. Kita boleh menghasilkan sesuatu yang baru daripada bahan yang dibuang seperti menghasilkan bakul atau bunga pelbagai warna menggunakan botol-botol plastik yang dibuang dan mengubah tayar menjadi pasu tanaman

atau perhiasan halaman rumah. Hasil-hasil kreativiti berguna ini dapat dijual untuk menjana pendapatan.

Kesimpulannya, budaya kitar semula amatlah perlu bagi kita mengamalkannya. Hal ini kerana keadaan dunia kini yang semakin tercemar dan jumlah bahan mentah yang semakin berkurangan. Melalui amalan ini kita akan dapat mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar dan sekaligus memberi peluang kepada generasi muda untuk menikmati hidup dalam dunia yang lebih baik dan bebas dari pencemaran.

**Nama : Nadiatul Hanna binti Haji Zulkifli
No. K/P : 00-320297 (K)**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Produk Tempatan Berpotensi Tembusi Pasaran Luar'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2020
- 'Waspada Menyebarluaskan Maklumat Di Sosial Media'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2020
- 'Pupuk Budaya Membaca Dalam Masyarakat'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2020

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Khatam Al-Quran 36 Kali semarak Hari Kebangsaan



ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam tersebut.

Oleh : Muhammad Akmal Haji Ali
Foto : Abdul Firas Hairul Ikhwan Ramlee

PESURUJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (tengah) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 36 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 2020 anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong.

TEMBURONG, Rabu, 4 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 36 Kali bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 2020, anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali. Turut hadir pada

majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok dan Pemangku Penghulu Mukim Amo; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim; juga pegawai-pegawai, ketua-

ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung berserta jemputan-jemputan khas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Bacaan Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad oleh Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, diketuai oleh penuntut sekolah berkenaan,

Awang Muhammad Irhan bin Irwan.

Seterusnya Bačaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh Badan Kebajikan Guru-guru Ugama dan Bačaan Doa Khatam Al-Quran oleh Penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong, Awang Mirza Hazimy bin Helmy.

Majlis diteruskan lagi dengan Dikir Marhaban, diketuai oleh Badan Kebajikan Guru-guru Ugama dan diakhiri dengan Bacaan Doa 'Allah Peliharakan Sultan' dan 'Selamatkan Negara Brunei Darussalam', dipimpin oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Awang Shafrillah bin Haji Awang Ahmad.



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEBAGAI PENGERUSI ASEAN TAHUN 2021

Tarikh tutup pertandingan:
21 Mac 2020

Keterangan lebih lanjut boleh diperoleh melalui :

Urus Setia Pertandingan Logo, Tingkat 2
Bangunan Asal, Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam, BB3510

Telefon : 2383400

E-mel : aseansummit2021@information.gov.bn

PEMENANG AKAN MENERIMA HADIAH BERUPA WANG TUNAI

PERTAMA
BND3,000

SAGU HATI X4
BND300



DARI MAHKAMAH

Dipenjara akibat masuk secara haram

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Mac. - Dua warganegara Malaysia, Noorazian Mazwan binti Abdul Wahab dan Noorizyan Yumni binti Abdul Wahab dijatuhan hukuman penjara oleh Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan bermula pada 4 Mac 2020.

Kedua-dua tertuduh didakwa atas dua kesalahan, iaitu di bawah Bab 6 (1)(c) Akta Imigresen Penggal 17 kerana masuk ke negara ini secara haram dan di bawah Bab 36 Akta Imigresen Penggal 17 kerana masuk semula ke negara ini setelah diusir secara sah.

Tertuduh pertama, Noorazian Mazwan, 32 tahun menerima hukuman tiga bulan penjara dan denda BND800, jika gagal membayar ditambah lagi sebulan penjara bagi kesalahan pertama, manakala kesalahan kedua, setahun dan lima bulan penjara.

Tertuduh kedua, Noorizyan Yumni binti Abdul Wahab, 34 tahun menerima hukuman tiga bulan penjara dan denda BND800, jika gagal membayar ditambah lagi sebulan penjara bagi kesalahan pertama, manakala setahun penjara bagi kesalahan kedua.

Keduanya ditangkap dalam Operasi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), iaitu OPS PUMPUNG JIPK 42/2020 pada 2 Mac 2020, iaitu semasa pemeriksaan di sebuah rumah di Kampung Saba Darat 'B', Bandar Seri Begawan; dan Kampung Burung Pingai Air, Bandar Seri Begawan.

Pendakwaan tertuduh-tertuduh dijalankan oleh pihak Pendakwa, JIPK, Adi Yusra bin Haji Adanan.



JABATAN
PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN
PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN
PENDIDIKAN

TAWARAN RANCANGAN
PERMAKANAN
SEKOLAH-SEKOLAH BAHAGIAN
SKIM MINUM DAN ASRAMA KERING

BILANGAN SEBUTHARGA :
MOE / LTK / 103 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH BERAKAS GARISSON
2. SEKOLAH RENDAH PANTAI BERAKAS
DAERAH BRUNEI DAN MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[KOD BLOK : SM/08].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUTHARGA :
MOE / LTK / 104 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH SERASA, MUARA
2. SEKOLAH RENDAH PENGKALAN TENTERA LAUT
DAERAH BRUNEI DAN MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[KOD BLOK : SM/12].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUTHARGA :
MOE / LTK / 105 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAMENTIRI,
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[KOD BLOK : SM/15].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUTHARGA :
MOE / LTK / 106 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH ANAK-ANAK ASKAR BATALION II, TUTONG KEM
2. SEKOLAH RENDAH MUDA HASHIM
3. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN MUDA MAHKOTA DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[KOD BLOK : SM/40].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUTHARGA :
MOE / LTK / 107 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH PENANJONG
2. SEKOLAH RENDAH BINTURAN
3. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN DIPA NEGARA PENGIRAN JAYA,
KAMPONG SENKKARAI
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[KOD BLOK : SM/41].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUTHARGA :
MOE / LTK / 108 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 18/03/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei
Darussalam.

TARIKH IKLAN: 07 MAC 2020

TARIKH TUTUP: 21 MAC 2020

1. PEMBANTU JURURAWAT

M.4-5 EB.6
BAHAGIAN IV
KEMENTERIAN KESIHATAN
KEKOSONGAN = LIMA PULUH DUA (52)
2020/009/06

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di
www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah
menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn

[KOD BLOK : AK/08].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
BND10.00 [Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
17 MAC 2020
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN KESUMA NEGARA,
KAMPONG BUKIT BERUANG
2. SEKOLAH RENDAH PERPINDAHAN BUKIT BERUANG II DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[KOD BLOK : SM/47].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUTHARGA :
MOE / LTK / 109 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH PANAGA
2. SEKOLAH RENDAH AHMAD TAJUDDIN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[KOD BLOK : SM/49].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUTHARGA :

MOE / LTK / 110 / 2019 / 2020

(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM MINUM
BAGI SEKOLAH RENDAH SUNGAI TALI, KUALA BELAIT
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[KOD BLOK : SM/54].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUTHARGA :
MOE / LTK / 111 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-MAC-2020])

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM MINUM
BAGI SEKOLAH SUKAN,
JALAN PULAIIE
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA


BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 312 / 2019

TAJUK :
TO DESIGN AND CONSTRUCT FOR
NEW DISABLE TOILET, NEW DISABLE
RAMP AND OTHER WORKS
AT MASJID MOHAMMAD BOLKIAH,
KAMPONG SERUSOP,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS :
II & III

KATEGORI :
B 01 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
RABU, 11 MAC 2020, 2.00 PETANG

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN
BIL. TAWARAN :

KHEU / BDP / 164 / 313 / 2019

TAJUK :
TO DESIGN AND CONSTRUCT FOR
NEW DISABLE TOILET, NEW DISABLE
RAMP AND OTHER WORKS
AT MASJID SETIA ALI, MUARA,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS :
II & III

KATEGORI :
B 01 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
RABU, 11 MAC 2020, 2.00 PETANG

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 314 / 2019

TAJUK :
ANTI-TERMITE TREATMENT WORKS
TO MASJID KAMPONG SINAUT
TUTONG DISTRICT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS :
II & III

KATEGORI :
KPB 05 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
RABU, 25 MAC 2020, 2.00 PETANG

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN


**JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN :
JMK / BTB / T / A / 2020-2021 / 008

**TAWARAN BAGI KERJA-KERJA
MEMBERSIHKAN KAWASAN LUAR
DAN DALAM BANGUNAN
DARULIFTA BRUNEI
DARUSSALAM, JABATAN MUFTI
KERAJAAN, JABATAN PERDANA
MENTERI, SIMPANG 26, JALAN
PENGIRAN BABU RAJA,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(BLOK PENTADBIRAN DAN
PERPUSTAKAAN ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM) BAGI TEMPOH
SATU (1) TAHUN**

TARIKH TUTUP :
Selasa, 30 Rejab 1441H



bersamaan 25 Mac 2020M,
jam 2.00 Petang


**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN :
JPB / 02 / 2020

KETERANGAN :
MEMBEKALKAN CATUAN MAKANAN
BAGI PENJARA LELAKI
MARABURONG FASA 1

YURAN TAWARAN :
BND100.00

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
Selasa, 24 Mac 2020
(tidak lewat dari jam 2.00 Petang)


**PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN
PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI**

**PELUANG-PELUANG BAGI
MENGIKUTI KURSUS-KURSUS
PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN
PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI
PEJABAT KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang berkelayakan bagi mengikuti salah satu daripada kursus-kursus sepuh masa di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam bagi **PENGAMBILAN YANG KE-40 SESI 2020-2021** seperti berikut :

1. JENIS-JENIS KURSUS

1.1 Kursus Pertukangan Perak - bagi lelaki dan perempuan

1.2 Kursus Anyaman dan Songkok - bagi lelaki dan perempuan

1.3 Kursus Seni Batik - bagi lelaki dan perempuan

1.4 Kursus Seni Ukir / Keris - bagi lelaki dan perempuan

1.5 Kursus Pertukangan Tembaga - bagi lelaki dan perempuan

1.6 Kursus Tenunan - bagi perempuan sahaja

**2. KELAYAKAN / KELULUSAN YANG
DIKEHENDAKI**

2.1 Hendaklah pemohon sekurang-kurangnya menamatkan Persekolahan Pendidikan Menengah.

2.2 Para Graduan Institusi-institusi Pengajian Tinggi, Lepasan Pusat-pusat Latihan atau yang sebanding dengannya adalah dialu-alukan untuk memohon.

**3. SYARAT-SYARAT YANG
DIKEHENDAKI**

3.1 Hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap;

3.2 Hendaklah berumur 17 tahun ke atas;
3.3 Hanya pemohon-pemohon yang disenaraikan pendek akan dipanggil bagi menghadiri sesi **TEMU DUGA**;

3.4 Pemohon-pemohon yang terpilih untuk mengikuti kursus, dikehendaki untuk menandatangani Surat Perjanjian;

3.5 Pemohon-pemohon yang berjaya, akan dikehendaki untuk mengikuti **LATIHAN SEPENUH MASA**.

Setelah menamatkan kursus, pelatih-pelatih akan dapat berdikari dan berusaha dalam meneruskan profesi masing-masing menjadikan kerjaya ini sebagai mata pencarian mereka.

**4. ELAUN-ELAUN DAN LAIN-LAIN
KEMUDAHAN**

4.1 Semasa dalam latihan, pelatih-pelatih akan diberikan elaun bulanan sebanyak BND335.00 sebulan;

4.2 Pakaian seragam akan diberikan percuma;

CARA-CARA MEMOHON

Borang-borang permohonan boleh diperoleh dari :

**PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN
PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI
JALAN RESIDENCY
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

BAHAGIAN PENTADBIRAN

**PENYAMBUT TETAMU
PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN
PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI
JALAN RESIDENCY
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Telefon : +673 2240676
Faks : +673 2241909

Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar terus kepada Penyambut Tetamu, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei sewaktu pejabat dibuka dan mestilah dihantar tidak lewat pada **28 Mac 2020, sebelum jam 4.00 Petang**.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Iklan: 1/2020

Tarikh Iklan:

07/03/2020 - 24/03/2020

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- Pemohon hendaklah mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

- Bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

- Berdaftar dengan Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei).

1. Jawatan Bergaji Hari:

Pekerja Tingkat Khas

Kadar Gaji: BND32.90 sehari

Tidak ada kenaikan

(Tingkatan G)

Kekosongan: 28

Kelayakan Minimum:

1. Higher National Diploma ke atas dalam bidang-bidang berikut atau bidang yang berkaitan:

- Accounting
- Administrative and Secretarial Studies
- Business Management
- Business Studies
- Finance / Business Finance
- Human Resource Management
- Communications and Computer
- Computing and IT
- Computer Studies
- Design and Technology
- Information Technology
- Librarianship & Information Management
- Syariah

- Islamic Studies
- Economic Studies
- International Relations
- International or Regional Security and Cooperation

- Policy and Planning
- Public Policy and Administration
- Strategic Studies / Defence & Strategic Studies

- Quantity Surveying
- Civil Engineering

- Construction Management

- Biology

- Chemistry

- Physics / Applied Physics

- Computing / Computer Science

- General Sciences

- Data Analysis and Management

- Environmental Science

- Materials Engineering

- Marine Engineering

- Mechanical Engineering

- Mechatronics

- Modeling and Simulation

- Project Engineering

- Project Management

- Systems Engineering

2. Jawatan Bergaji Hari:

Pekerja Tingkat Khas

Kadar Gaji: BND30.00 - BND32.90 sehari

(Tingkatan G)

Kekosongan: 4

Kelayakan Minimum:

1. HNC / Diploma / OND / ONC ke atas dalam bidang-bidang berikut atau bidang yang berkaitan:

- Advertising

- Audio-visual techniques

- Design & Technology

- Marketing

- Marketing & Advertising

- Business Administration

- Business Studies

2a. Kemahiran dalam bidang penulisan dan penyunting serta pengendalian media masa.

ATAU

2b. Berkemahiran dalam bidang fotografi dan videografi.

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT
MENGENAI
TUGAS DAN BORANG PERMOHONAN
SILA LAYARI LAMAN SESAWANG**

www.mindf.gov.bn

[Career -Job Opportunities]

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Bahagian Pengambilan dan Perjawatan,
Jabatanarab Pentadbiran dan Tenaga Manusia
Telefon: 2386945 / 2386361 / 2386964
E-mel: jptm.recruitment@mindf.gov.bn

240 sertai Khatam Al-Quran 36 Kali



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Tenaga hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran 36 Kali di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Berita dan Foto : Noraizah Haji Muhammed

BELAIT, Rabu, 4 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 36 Kali diungkayahkan bagi menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat, terutama dengan pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, di samping untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan juga tarbiah belia dan masyarakat serta untuk menggalakkan penglibatan belia juga masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran 36 Kali secara serentak di keempat-empat daerah, di mana majlis tersebut merupakan salah satu inisiatif Jawatankuasa

Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Bagi Daerah Belait, majlis dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya selaku tetamu kehormat yang juga menyampaikan bunga telur kepada para peserta.

Acara berlangsung di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, dikepalai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan Bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad, diketuai oleh penuntut IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Kuala Belait, Awang Mohammad Zuhairuddin bin Haji Abdul Rani dan diteruskan dengan Bacaan Takhtim Al-Quran, diketuai oleh Guru-guru Jabatan Pengajian

Islam, Belait.

Doa Khatam dibacakan oleh Guru Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin.

Manakala Dikir Marhaban diketuai oleh Ahli Takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala



Belait dan diakhiri dengan Doa 'Allah Peliharakan Sultan' dan 'Selamatkan Negara Brunei Darussalam' yang dibacakan oleh Imam Masjid Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Akup bin Lamat diikuti dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

Pelita Brunei turut menemu bual beberapa peserta khatam, antaranya wakil daripada Persatuan PERTIWI Belait, Dayang Hajah Hasinah binti Haji Utin dan Dayang Hajah Salus binti Gani sama-sama melahirkan rasa gembira kerana terpilih untuk melibatkan diri pada menyambut hari bersejarah seumpama itu.

"Al-Quran adalah kitab yang perlu dibaca setiap hari, walaupun hanya beberapa ayat," tambah Hajah Hasinah.

"Kalau tidak pandai, ambil inisiatif untuk belajar di masjid secara percuma melalui kelas Muslimah," tambah beliau.

"Tiada istilah sudah tua atau malu untuk belajar membaca Al-Quran," kata Hajah Salus.

Sementara bagi Naib Presiden Persatuan Pergerakan Belia Minda, Awang Mohamad Farid bin Hetta, berpendapat aktiviti keagamaan seumpama itu amat

sesuai disertai oleh para belia bertujuan untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran dan tahu akan pentingnya mengaji Al-Quran.

Majlis yang ketujuh kali diadakan itu melibatkan seramai 240 peserta lelaki dan perempuan, terdiri daripada Persatuan-persatuan Belia; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Penuntut-penuntut Sekolah Menengah juga pegawai dan kakitangan kerajaan Daerah Belait.

Penganjuran majlis seumpama itu dihasrat akan dapat meningkatkan lagi penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan yang sudah setentunya berupaya menjadi benteng buat generasi belia dalam menghadapi cabaran-cabarannya yang mendatang sebagai pelapis dan penyambung kepimpinan pada masa hadapan.

Hadir sama, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, KKBS, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus; Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin; Ketua Pegawai Ugama Belait, Awang Aliyani bin Haji Ismail; dan Pegawai-pegawai juga kakitangan KKBS.



NAIB PRESIDEN Persatuan Pergerakan Belia Minda, Awang Mohamad Farid bin Hetta (kiri). Sementara gambar atas, wakil daripada Persatuan PERTIWI Belait, Dayang Hajah Hasinah binti Haji Utin bersama Dayang Hajah Salus binti Gani.

SMALHB juarai Manifestasi Lakonan Sajak



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (kiri) menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Manifestasi Lakonan Sajak Peringkat Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2020, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Jumaat, 6 Mac. - Dengan memperoleh markah 90.67 peratus, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) dinobatkan sebagai juara dalam Pertandingan Manifestasi Lakonan Sajak Peringkat Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2020.

Manakala naib juara disandang oleh Sekolah Arab Rimba dengan markah 88.67 peratus, diikuti tempat ketiga, Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dengan markah 85 peratus.

sebuah sajak, berunsurkan semangat kebangsaan yang dihasilkan oleh penulis tempatan (Negara Brunei Darussalam).

Pertandingan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli tersebut bermatlamat sebagai penjana intelek dan kreativiti pelajar dalam penghasilan karya seni, selain memupuk kesedaran dan kecintaan para pelajar terhadap pemerkasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, ia juga berperanan penting untuk mengangkat industri seni kreatif negara yang kaya dengan ketamadunan, calak keBruneian dan intelektual kebangsaan.

Antara objektif pertandingan adalah bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar juga memupuk minat dan kecintaan para pelajar terhadap bahasa juga sastra Melayu. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran seni lakonan juga mengetengahkan bakat para pelajar dalam bidang lakonan.

ANTARA Sekolah-sekolah Menengah yang menyertai Pertandingan Manifestasi Lakonan Sajak Peringkat Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara berkenaan (atas kanan dan kanan).



SSMS raikan pelajar cemerlang



PEMANGKU Pengarah Peperiksaan, Kementerian Pendidikan (kanan) menyampaikan anugerah kepada pelajar SSMS yang cemerlang.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duruman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 6 Mac. - Seramai 88 pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan bagi tahun 2019 dari Sekolah Seri Mulia Sarjana (SSMS) menerima anugerah masing-masing pada majlis yang diadakan di Dewan

Al-Barakah, Parkview Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada pelajar-pelajar cemerlang, Pemangku Pengarah Peperiksaan,

Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.

Daripada jumlah tersebut, seramai 56 pelajar sekolah rendah bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan 32 pelajar sekolah menengah menerima anugerah bagi Peringkat 'O' Level dan International General of Secondary Education (IGCSE).

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan Pengetua SSMS, Dayang Gazala binti Abdullah berkata bahawa acara penyampaian anugerah akademik tersebut adalah untuk mengiktiraf pencapaian pelajar dan berfungsi untuk menggalakkan mereka untuk terus cemerlang, khususnya dalam bidang pendidikan.

Selain itu katanya, ia berperanan penting untuk memberikan galakan yang terbaik bagi setiap pelajar untuk mencapai matlamat utama pendidikan dan objektif yang abadi.

"Ia tidak berubah sejak bertahun-tahun. Walau bagaimanapun, pendidikan juga menyediakan pelajar kami untuk masa depan. Oleh itu, perspektif dan keutamaan pendidikan kita

akan beralih untuk mencerminkan perubahan ekonomi dan masyarakat kita kerana Brunei berevolusi sebagai sebuah negara," tambahnya.

Beliau percaya bahawa rahsia di sebalik peristiwa penting ini ialah Guru yang memberikan perkhidmatan mereka yang tidak ternilai dan berkongsi idea juga kebijaksanaan mereka kepada para pelajar dengan mendidik ke arah hala tuju yang betul.

Pada masa yang sama tambahnya, bukan sahaja pelajar perlu diberikan pengiktirafan, tetapi juga ibu bapa yang bekerja dengan sungguh-sungguh, memberikan yang terbaik kepada anak-anak mereka tidak kira betapa susahnya hidup, mereka tetap bekerja walaupun bersusah payah. Majlis turut diserikan dengan kehadiran ibu bapa dan persembahan-persembahan oleh para pelajar sekolah.

300 perwakilan sertai Persidangan Isu-isu Global Borneo



SIDANG Media mengenai Persidangan Isu-isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-16.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 6 Mac. - Persidangan

Isu-isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-16 melibatkan 300 perwakilan daripada lebih 25 buah sekolah di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Persidangan yang berlangsung dari 7 hingga 9 Mac itu dihoskan oleh ISB dan mengambil tempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sehubungan itu, Sidang Media mengenai BGIC ISB diadakan di ISB, Sungai Hanching bagi memperkenalkan penceramah utama BGIC tahun ini, iaitu Pengurus Pendidikan, Jualan & Outreach, Com. Corp., Darren Tan dan Chloe King yang merupakan Pengasas Food Waste Warrior Project.

Chloe King dalam Sidang Media berkata, generasi muda merupakan golongan yang paling bersemangat dan mempunyai inspirasi untuk mengubah dunia dan inisiatif sebenar bermula daripada langkah kecil atau besar dalam mengkaji sesuatu yang diminati.

Sementara itu, Darren Tan semasa Sidang Media teruja menanti-nantikan isu-isu yang akan dibincangkan juga perkara yang dikongsikan semasa persidangan itu nanti. Syarikat Shell Petroleum Sdn. Bhd., Baiduri Bank Group dan Progresif Sdn. Bhd. merupakan penaja utama untuk acara tersebut pada tahun ini.

Tahun ini menandakan tahun keenam berturut-turut Progresif Sdn. Bhd. menjadi salah satu penaja, Ketua Strategi Jenama Progresif Sdn. Bhd., Hafiza Mohamad berkata bahawa sokongan ini merupakan sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka dan usaha

menyumbang kembali kepada masyarakat.

Bagi Awang Muiz bin Dato Paduka Haji Adnan dari Jabatan Komunikasi Korporat Baiduri Bank Berhad selaku perwakilan pihak Baiduri juga selaku penaja berkata bahwa, persidangan itu merupakan program hebat yang dirancang oleh belia dan tertumpu kepada belia bagi pembangunan juga kemajuan Brunei.

Turut hadir, Pengetua Eksekutif ISB, Laura Thomas, Penyelaras BGIC ISB, Jane Snell dan Setiausaha Agung BGIC ISB, Chelsea Lim.

BGIC ISB tahun ini akan memfokuskan kepada 'Matlamat Pembangunan Lestari Ke-11' (11th Sustainable Development Goal - SDG11) yang bertajuk 'Youths Call for More Sustainable Cities and Communities'.

Perwakilan akan membahaskan dan memutuskan resolusi yang berkaitan dengan cara menjadikan bandar dan masyarakat kita lebih inklusif, aman, berdaya tahan dan sumber daya yang efisien untuk masa depan.

Didang utama perbincangan dalam sesi latihan yang diadakan di ISB sejak beberapa bulan kebelakangan ini berkaitan dengan keperluan perlindungan warisan budaya dan penglibatan aktif semua anggota masyarakat dalam membuat keputusan.

BGIC ISB adalah persidangan tahunan yang dipimpin oleh pelajar di Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa, di mana para peserta mewakili pelbagai negara berkongsi pandangan mereka mengenai isu semasa dan dunia sebenar.

Persidangan itu merupakan inisiatif yang bertujuan memperluaskan pemahaman pelajar terhadap kewarganegaraan global dan meningkatkan kemahiran berbicara dan perbincangan awam.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg
1 bungkus Mee Segera

1385 mg
Sebijik Telur Masin

1385 mg
1 sudu makan Kicap

376 mg
3 sudu makan Corned Beef

295 mg
1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang

243 mg
1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan

120 mg
1 cawan Kentang Goreng

116 mg
Segenggam Kacang Tanah (Salted)

15 mg
3 keping Kraker Beras

2.4 mg
1/2 cawan Amping

1.7 mg
Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg
Sebijik ukuransederhana Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok

[@hpcbrunei](http://hpcbrunei)

[Health Promotion Centre](#) | [Talian Darussalam 123](#)



BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Tin, Ayat 4, yang tafsirannya :

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya".

Allah Subhanahu Wata'ala telah menciptakan manusia dengan tubuh badan yang cukup sempurna. Salah satu ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala pada tubuh badan manusia yang paling istimewa ialah hati. Hati mempunyai peranan yang sangat besar kerana ia menentukan dan mencorak cara hidup seseorang. Ketahuilah, bahawa hati itu adalah ibarat raja, manakala anggota tubuh badan yang lain pula adalah pengawalnya. Hatilah yang

memerintahkan segala tindakan yang dilaksanakan oleh anggota-anggota badan yang lain.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa berusaha untuk memelihara dan menjaga hati dengan sebaik-baiknya agar hati kita sentiasa menempuh jalan kebaikan dan kebajikan sesuai dengan perintah agama dan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana jika hati itu rosak, maka rosaklah seluruh anggota badan dan jika hati itu bersih dan baik, maka baiklah seluruh anggota badan. Daripada Nukmaani bin Basyir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Sesungguhnya di dalam diri manusia itu ada sekutu daging. Apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota dan apabila daging itu rosak, maka rosaklah seluruh anggota, ketahuilah itulah hati". - Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Sesungguhnya hati itu dibahagikan kepada tiga, iaitu :

Pertama : Qalbun Salim (Hati yang Bersih), iaitu hati orang-orang yang beriman, yang hidup dengan Zikrullah dan sentiasa terbuka untuk menerima nasihat dengan penuh ketaatan sehingga menjadikan pemiliknya sentiasa berada dalam ketenangan dan kesejahteraan.

Kedua : Qalbun Maridun (Hati yang Sakit), iaitu hati yang dipenuhi dengan pelbagai penyakit, seperti sifat riak, hasad, bangga diri dan sebagainya. Jika tidak dirawat, ia boleh mematikan hati.

Ketiga : Qalbun Maiyit (Hati yang Mati), iaitu hati yang tertutup daripada menerima segala nasihat kerana telah dikawal oleh hawa nafsu dan syaitan sehingga berpaling daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Memiliki Qalbun Salim merupakan impian setiap umat Islam. Akan tetapi, bagaimanakah caranya untuk kita dapat memiliki?

Sesungguhnya untuk menggapai atau memiliki Qalbun Salim itu, kita hendaklah

sentiasa menjaga dan memelihara dua perkara, iaitu :

Pertama : Hablum Minallah, iaitu Hubungan di antara Makhluk dengan Khaliknya, iaitu Penciptanya,

Kedua : Hablum Minnasan, iaitu Hubungan di antara sesama Manusia.

Perlu diketahui, maksud menjaga hubungan di antara manusia dengan Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah kita hendaklah mengetahui segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan segala larangan-Nya, sentiasa mendekatkan diri kepada-Nya dengan melakukan amal soleh dan amal kebajikan.

Sesungguhnya selain menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, kita hendaklah juga menjaga hubungan silaturahim di antara sesama manusia, seperti berbuat baik kepada kaum keluarga, saudara mara, jiran tetangga, sahabat handai, rakan sekerja dan seumpamanya. Selain itu, kita hendaklah juga saling tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan berkebajikan, membantu orang-orang yang susah dan yang memerlukan bantuan, bersopan santun dan berbudi bahasa dalam tingkah laku dan tutur bicara, sentiasa bermanis muka apabila bersua dan bertegur sapa dan sebagainya.

Ketahuilah, kesempurnaan dan kemantapan iman seseorang itu bukan hanya setakat beriman dengan Rukun Iman yang enam, bahkan menghubungkan silaturahim juga adalah antara cabang keimanan. Oleh itu, agama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga dan memelihara hubungan silaturahim. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia memuliakan tamunya, dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia menyambung tali silaturahim, dan

barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia berkata baik atau diam". - Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajarkan doa agar dikurniakan Qalbun Salim, iaitu Hati yang Bersih. Daripada Saddad bin Aus bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam sembahyangnya berdoa yang bermaksud :

"Ya Allah, Aku memohon kepada-Mu ketabahan hati dalam menghadapi semua urusan, dan tekad yang kuat dalam mencari kebenaran, dan Aku memohon kepada-Mu untuk sentiasa mensyukuri nikmat-Mu, dan Aku memohon kepada-Mu hati yang selamat, lisan yang sentiasa jujur, dan Aku memohon kepada-Mu dari kebaikan yang Engkau ketahui dan Aku meminta perlindungan dari keburukan yang Engkau ketahui, dan Aku memohon ampunan-Mu terhadap segala kesalahan yang Engkau ketahui". - Riwayat Al-Imam An-Nasani.

Sebagai umat Islam, marilah kita sentiasa berusaha menjauhi perkara yang boleh melalaikan dan mematikan hati, seperti mengumpat, mencaci, mengadu domba, memfitnah dan sebagainya. Mudah-mudahan dengan kita menjauhi segala sifat yang tidak baik itu, kita tergolong dalam golongan orang-orang yang mempunyai Qalbun Salim yang sentiasa mengingati dan mencintai Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya. *Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.*

Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-Anfal, Ayat 2 yang tafsirannya :

"Sesungguhnya orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambah (kuat) iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal".

Program Qiamullail galak belia dekati masjid

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BELAIT, Jumaat, 6 Mac. - Dalam usaha untuk menangani gejala isu sosial dalam kalangan belia masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Idarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Liang mengambil inisiatif



ANTARA Belia Masjid yang menyertai Program Qiamullail di Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait (atas), sementara gambar kanan, para belia menyertai Kempen Kebersihan di dalam masjid.

Belia Masjid dari Daerah Belait mengikut program tersebut.

Antara tujuan program itu diadakan adalah untuk menggalakkan belia dengan mendekati masjid, membiasakan belia bersilaturahim dengan Jemaah / AJK Takmir. Melalui program ini, para peserta dilatih membantu pentadbiran hal ehwal masjid. Selain itu, memberi

peluang para Belia Masjid mengikuti aktiviti-aktiviti masjid, seterusnya mendidik belia agar tidak dipengaruhi dengan gejala sosial

Program Qiamullail tersebut diisikan dengan Tazkirah bertajuk 'Belia Harapan Masyarakat Sayang'. Diikuti dengan aktiviti belia, bertajuk 'Siapa Sahabat Saya?'

Pada keesokan harinya, para peserta sama-sama bersembahyang Fardu Subuh Berjemaah, seterusnya membaca Surah Al-Waqiah juga fadilatnya. Hadir selaku tetamu kehormat pada pagi tersebut, Ketua

Bahagian Idarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Program pada hari kedua tersebut diteruskan dengan Kempen Kebersihan di dalam dan luar masjid berkenaan. Semoga dengan adanya program seumpama itu akan dapat mengimarahkan masjid, sekali gus akan menjadi pengajaran dan kesedaran kepada belia bagi menghindari aktiviti yang tidak berfaedah. Program itu juga akan dilaratkan ke daerah lain pada masa yang akan dimaklumkan kemudian.





Fungsi sukan dalam pembangunan negara

KEBANYAKAN anggota masyarakat di negara ini meminati sukan. Menyedari hakikat inilah kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk menyediakan infrastruktur sukan kepada orang ramai. Kini, padang permainan, dewan badminton, gelanggang olahraga dan kemudahan sukan lain dibina di kawasan tertentu.

Kesediaan pihak kerajaan berbuat demikian adalah atas kesedaran bahawa sukan bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada individu, tetapi juga memberikan sumbangan ke arah pembangunan negara. Apa Pendapat Biskita kali ini turut mendapatkan beberapa pendapat daripada orang ramai mengenai peranan sukan kepada pembangunan negara.

"Pakar-pakar kesihatan mengakui bahawa aktiviti sukan penting untuk kesihatan. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa bermain bola sepak, badminton dan olahraga misalnya, semua organ dalam badan seseorang menjadi aktif. Jantung akan berfungsi dengan baik. Pembakaran lemak juga berlaku dan badan akan mengeluarkan peluh. Dengan demikian, masalah lebihan lemak dalam badan dapat dielakkan dan badan menjadi sihat. Kesihatan fizikal akan mempengaruhi kesihatan mental individu. Masyarakat yang sihat dari segi fizikal dan mental dapat menjalankan tugas dengan baik dan seterusnya membantu pembangunan negara". - **Haji Aminuddin Othman, BSB.**

"Masa lapang seseorang dapat dimanfaatkan dengan bersukan kerana aktiviti ini lazimnya dijalankan pada waktu yang terluang. Dengan cara demikian, anggota masyarakat tidak membuat masa pada perkara yang tidak berfaedah. Golongan remaja tiada kesempatan untuk melepak, menganggotai kumpulan gengster dan melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Tegasnya, aktiviti sukan dapat mengurangkan gejala sosial dalam kalangan anak muda, seterusnya dapat melahirkan golongan remaja yang berkualiti yang dapat memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara". - **Abdul Aziz HR, Muara.**

"Sukan dapat memupuk persahabatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat di sebuah negara. Apabila sesuatu jenis sukan diwakili oleh peserta daripada pelbagai kaum, mereka sudah tentu akan bekerjasama dan saling membantu untuk mencapai satu matlamat, iaitu kejayaan. Semasa berada dalam satu kumpulan, timbul perasaan kekitaan atau *esprit de corps* dalam kalangan mereka. Semangat ini amat penting bagi mewujudkan perpaduan kaum di negara kita. Selain itu, perpaduan turut dapat disemai dalam kalangan penonton apabila mereka menyokong pasukan yang sama. Nilai perpaduan ini menjadi landasan untuk rakyat membangunkan negara. Apabila sebuah negara terpilih menjadi tuan rumah bagi acara sukan yang bertaraf antarabangsa, negara yang berkenaan akan dikunjungi oleh pemain, pegawai, wartawan dan penyokong dari pelbagai negara. Mereka sudah tentu akan berbelanja sepanjang berada di negara yang berkenaan. Pengaliran wang asing yang berlaku tentu sekali menguntungkan negara. Apabila pulang, mereka akan mempromosikan tempat-tempat yang menarik di negara tuan rumah kepada rakan-rakan. Dalam jangka panjang, situasi ini dapat memajukan industri pelancongan di negara yang berkenaan dan ini sekali gus mampu menyumbang kepada pembangunan negara". - **Siti Azrina Haji Abu Bakar, Madang.**

"Imej negara dapat ditingkatkan melalui sukan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila sebuah negara mengambil bahagian dalam sukan yang bertaraf dunia, nama negara yang berkenaan akan dikenali, apatah lagi sekiranya negara yang berkenaan mengungguli sesuatu permainan. Kejayaan sebuah negara menganjurkan sukan yang bertaraf dunia turut mengharumkan nama negara secara tidak langsung mencelikkan mata masyarakat antarabangsa tentang keupayaan negara kerdil ini menganjurkan sukan yang bertaraf dunia". - **Aisha Abdul TS, BSB.**

Kesimpulannya, bagi pendapat saya sendiri selaku penulis ruangan ini berpendapat, aktiviti sukan penting, bukan sahaja untuk melahirkan anggota masyarakat yang berkualiti, tetapi juga dapat membantu pembangunan negara, seterusnya meningkatkan imej negara. Menyedari kepentingan inilah, setiap anggota masyarakat seharusnya menjinakkan diri dengan sukan yang sesuai dengan minat, kebolehan dan keupayaan masing-masing. Sehubungan itu, usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai agar bersukan hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Matlamat ini akan tercapai seandainya kita menghayati cogan kata, 'Majulah Sukan Untuk Negara'.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kebaikan Menyertai Sukan Lasak
- ii. Kepentingan Sukan Kepada Negara

Penyertaan Musabaqah Menghafaz Al-Quran meningkat



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (kanan) menyampaikan cenderahati kepada peserta.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Peningkatan penyertaan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya pada tahun ini, iaitu seramai 352 peserta yang mengikuti berbanding daripada 262 peserta pada tahun lalu yang mendapatkan satu peningkatan yang baik dan menggalakkan.

Pemangku Pengarah Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit dalam alu-aluannya berkata, penyertaan Kategori 'C' (terbuka kepada semua peringkat umur) dan 'A' (peserta yang berumur 11 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Jun 2006) pada tahun ini mendapat sambutan di luar jangkaan berbanding dari tahun sebelum ini.

"Peningkatan seumpama ini adalah sangat-sangat diharapkan. Kita berdoa supaya ia akan dapat berterusan di masa-masa akan datang pada setiap kategori," katanya pada Majlis Pengumuman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah bertempat di Dewan Kuliah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Beliau yang juga selaku Pengurus Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah itu seterusnya menjelaskan Peringkat Saringan dilaksanakan selama lapan hari berturut-turut, iaitu dari 14 hingga 23 Januari lalu dan dari peringkat itu, seramai 61 peserta berjaya mencapai markah 75 peratus ke atas, sekali gus melayakkan diri

ke Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan.

Beliau melahirkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada peserta yang terpilih ke Peringkat Akhir nanti dan menekankan mereka untuk menanamkan semangat menghafaz secara *istiqamah*, bukan hanya setakat untuk musabaqah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, seterusnya menyampaikan cenderahati kepada para peserta dan hakim musabaqah.

Keputusan musabaqah diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Awang Muhammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

Terdahulu pada sebelah pagi, seramai 11 peserta musabaqah bagi Kategori 'E' bertanding dengan memperdengarkan hafazan masing-masing.

Objektif musabaqah antaranya untuk menggalakkan umat Islam di negara ini untuk berjinakin mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai satu rutin dan amalan harian. Untuk menambahkan lagi para huffaz di negara ini, di samping untuk mendapatkan pahala dan ganjaran Allah Subhanahu Wata'alai dan mendorong juga membantu peserta juga orang ramai untuk memahami maksud apa yang terkandung dalam Al-Quran, termasuk fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid.

Pelajar perlu terus maju, mantap, bersahsiah mulia



PENOLONG Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat menyampaikan anugerah kepada penerima Anugerah Cemerlang, Dayang Radin Hannah Bazilah binti Radin Safiee pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil bagi Pencapaian Akademik Dalam Peperiksaan BC-GCE O Level 1441H / 2019M bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - Sebagai seorang pelajar seharusnya mempraktikkan *life long learning, learning beyond classroom* juga sentiasa bersedia dan *adaptive* kepada persekitaran ataupun *environment*.

Kegigihan, sifat dedikasi dan cita-cita tinggi para pelajar sendiri untuk terus maju dan mencapai kecemerlangan, meningkatkan *employability* semasa ketibaan waktu mencari pekerjaan pada masa akan datang.

Perkara demikian dijelaskan oleh Penolong Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Awang Nohi Irwan Surkarki bin Haji Pawi semasa Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil bagi

Pencapaian Akademik Dalam Peperiksaan BC-GCE O Level 1441H / 2019M bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Sungguhpun kemajuan dunia pada Abad Ke-21 ini menjadikan taraf kehidupan manusia bertambah baik, terutama dalam bidang pendidikan, namun kecemerlangan akademik hendaklah diimbangi dengan pembentukan sahsiah yang mantap kerana bangsa yang maju dan sejahtera, bukan sahaja terletak kepada ahli-ahli yang berilmu pengetahuan, tetapi juga yang bersahsiah mulia, jelasnya pada majlis yang berlangsung di Auditorium, MSPSBS, di sini.

Pada majlis itu, seramai 272 pelajar menerima hadiah dan sijil

masing-masing, termasuk sembilan pelajar menerima Anugerah Pencapaian Tinggi (High Achievement Award - Keputusan Minima 7 Gred A), empat pelajar menerima Anugerah Pencapaian Tinggi (High Achievement Award - Keputusan Minima 8 Gred A) dan seorang pelajar menerima Anugerah Cemerlang (Excellence Award).

Selain sebagai penghargaan dan pengiktirafan pihak maktab kepada pelajar-pelajar atas usaha dan kesungguhan demi kemajuan diri sendiri, bangsa, agama dan negara, majlis juga bertujuan untuk mengekalkan peratus purata tertinggi maktab, selain menggalakkan pelajar bersaing secara sihat juga melahirkan pelajar inovatif, kreatif, berwawasan dan mempunyai hala tuju yang jelas untuk masa depan.

Sementara itu, penerima Anugerah Cemerlang, Dayang Radin Hannah Bazilah binti Radin Safiee ketika ditemui berkata, sebagai seorang pelajar yang sentiasa ingin memperoleh kejayaan, kita hendaklah berusaha untuk mencapai keinginan tersebut.

Tambahnya, sejak sekolah rendah lagi ibu bapa mengurus masa pembelajaran dan sehingga mencapai ke sekolah menengah, ia pula menjadi tanggungjawabnya sendiri.

Manakala bagi Awang Badri Aiman Khan bin Badrul Zeman Khan yang menerima Anugerah Pencapaian Tinggi pula berkata, menjadi rutin setiap malam untuk mengulang kaji pelajarannya dan kunci kejayaannya adalah berkat usaha, doa dan dorongan kedua ibu bapanya.



Oleh : Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor
Foto : Jabatan Penerangan

MAJLIS Mesyuarat Negara (MMN) akan mula bersidang setelah mesyuarat dibuka rasmi pada Isnin, 14 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 9 Mac 2020 Masihi dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan mula menumpukan perhatian pada isu-isu dan persoalan untuk kepentingan dan kesejahteraan dan kebijakan bersama.

Persidangan MMN amat bermakna bagi Negara Brunei Darussalam dalam usaha kerajaan memberikan kebebasan rakyat bersuara secara sihat dan muafakat dan menjadi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat serta pandangan untuk menentukan nasib bangsa, dalam memajukan dan membangunkan

negara ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang.

Persidangan MMN memasuki usia 16 tahun persidangan sejak penubuhan semula pada tahun 2004 dan akan membincangkan dan meluluskan perkara utama, iaitu Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020 / 2021; untuk diguna pakai bermula pada 1 April 2020. Selain daripada Belanjawan tahunan, Persidangan MMN juga akan membincangkan isu - isu dan cadangan-cadangan yang bermanfaat kepada negara dan rakyat yang diteliti dan dinilai kesesuaianya secara terperinci mengikut keperluan dan keutamaannya.

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas ini akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurnian titah sebagai bermulanya Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Platform

Pada menjunjung titah baginda, perkara yang terus diberikan perhatian dan dijadikan fokus utama pada setiap persidangan adalah dalam membincangkan pelaksanaan strategi bagi pertumbuhan ekonomi yang mampu ke arah mempelbagaikan ekonomi negara, dalam membincangkan mengenai pengemaskinian segala dasar peraturan dan prosedur supaya lebih telus dan teratur dan di dalam kepentingan pembangunan generasi belia serta kebijakan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Pada menanai hasrat baginda, Persidangan MMN digunakan sebagai satu saluran atau platform bagi Ahli-ahli MMN mengemukakan buah fikiran dalam suasana bermuzakarah dan aman tenteram.

Persidangan MMN akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib selaku Yang Di-Pertua MMN.

MMN yang ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negara Brunei 1959 dan Ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24. MMN telah dibubarkan pada tahun 1984 dan bersidang semula pada 25 September 2004. Penubuhan persidangan ini adalah Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-58 Tahun pada 15 Julai 2004. Ahli-ahli MMN berjumlah 36 orang terdiri daripada ahli rasmi kerana Jawatan, Orang-orang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-wakil Yang Dilantik dari daerah-daerah.

Di bawah kepimpinan baginda, Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai pentadbiran dan pemerintahan yang adil dan bijaksana, aman makmur dan memartabatkan lagi agama Islam sebagai agama rasmi dan menjadikan Negara Zikir.



**Kenali
Negara
Kitani**

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Ah Chua Bangau, Ihsan Pitrus Apoi

Keindahan sawah yang menenangkan

KAMPUNG Selapon adalah antara 14 buah Kampung di bawah Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong dengan keramaian penduduk di kampung tersebut ialah kira-kira 483 orang.

Salah satu tempat yang menjadi tarikan ialah keindahan pemandangan sawah padi yang menenangkan lebih-lebih lagi ia terletak di kawasan menghijau dan cantik pemandangannya.

Dengan perjalanan lebih 19 kilometer menuju ke kampung berkenaan, deretan sawah padi adalah diusahakan oleh penduduk kampung berkenaan sebagai salah satu mata pencarian penduduk kampung berkenaan.

Penanaman padi dalam musim setiap tahun bermula pada bulan September sehingga bulan Mac atau April tahun hadapannya (contoh bulan Ogos 2019 hingga Mac 2020). Manakala penanaman

padi luar musim akan bermula pada bulan April atau Mei hingga Ogos / September.

Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Unit Pengembangan Pertanian Daerah Temburong akan membuka pendaftaran bagi penanaman padi dalam musim setiap tahun dari bulan Julai hingga bulan Oktober.

Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Selapon B berkeluasan 80 hektar yang mana telah digazet sekitar tahun 2005. Kerja-kerja pembersihan kawasan yang pertama dilakukan sekitar tahun 2009 / 2010. Manakala pembersihan kedua serta pembahagian lot dan pembuatan ban dilaksanakan sekitar tahun 2011 / 2012.

Sebanyak 36 lot disediakan untuk pengusaha dengan jumlah 20.2 hektar dan 26 pengusaha. Selain lot-lot yang disediakan oleh jabatan, ada lebih

kurang 3 hektar kawasan dimajukan awal oleh seorang pengusaha sebelum kerja-kerja pembuatan ban dan pembersihan kawasan dilakukan dan satu lot kawasan lagi dibuka sekitar tahun 2014 yang berkeluasan 7 hektar. Kerja-kerja pembersihan dan pembuatan ban adalah di atas usaha beliau sendiri.

Keluasan lot-lot pengusaha adalah berbeza-beza mengikut keluasan awal yang diusahakan mereka sebelum rancangan pembersihan kawasan dan pembuatan ban dilakukan oleh pihak jabatan. Di antara infrastruktur yang disediakan oleh pihak jabatan ialah Jalan Ladang, irrigation and drainage dan pam air. Pihak jabatan telah menyediakan dua biji pam air yang mana sumbernya dari air Sungai Selapon.

Daripada jumlah keseluruhan kawasan di KKP Selapon B, kawasan yang telah dimajukan ialah lebih kurang 30 hektar

dan selebih 50 hektar belum dimajukan.

Penglibatan para pengusaha dalam penanaman padi setiap tahun adalah berbeza-beza. Seramai 28 orang telah terpilih mengikuti rancangan ini. Keluasan diberikan antara 0.5 hektar ke 3 hektar setiap seorang.

Walau bagaimanapun, pada musim berpadi 2019 / 2020, seramai 13 pengusaha dikenal pasti mendaftar untuk mengikuti penanaman padi. Anggaran keseluruhan jumlah kawasan yang ditanami ialah 17.6 hektar. Jenis-jenis padi yang ditanami ialah BDR 5 dengan keluasan 9.2 hektar, MRQ76 4.9 hektar dan selebihnya ditanami dengan padi tradisional seperti Padi Pusu, Bario, Adan, Agistan, Roti & Andusan.

Setakat ini, 80 peratus pengusaha adalah peladang sepenuh masa, manakala 20 peratus lagi peladang separuh masa (masih bekerja di sektor kerajaan).



Dua karya sastera di'bedah'



SESI I Bedah Karya Sosonjan A.Khan, Pembicara Karya disampaikan oleh Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.

BERAKAS, Khamis, 5 Mac. - Pantaran Sastera merupakan salah satu jenama kegiatan sastera Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang diselenggarakan oleh Bahagian Sastera dan Majalah.

Projek tersebut menjadi tanda aras sastera Brunei dan median perkumpulan penulis / penggiat seni sastera tempatan sebagai tempat pertemuan penulis / penggiat seni sastera.

Sehubungan itu, Pantaran Sastera DBP 2020 sempena Pesta Buku Brunei 2020 menganjurkan Bedah Karya terhadap dua buah karya sastera terbitan DBP, iaitu 'Kumpulan Puisi Bacalah Laut', hasil karya Sosonjan A. Khan dan 'Kasut Tumit Tinggi Alya', hasil karya Nur Hamizah Samihon yang mengambil tempat di Bilik Hijau 1

dan 2, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Karya-karya tersebut diulas dan dibincangkan secara analitis oleh dua orang pembicara karya terdiri daripada Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak dan Pengiran Haji Amirul Amin bin Pengiran Haji Jamaluddin yang merupakan pakar, pengkaji dan penyelidik sastera.

'Kumpulan Puisi Bacalah Laut' mengandungi 85 buah tajuk yang digarap melalui suara hati penulis wanita. Ia dihasilkan melalui ketajaman dan pengamatan di sekeliling dengan memberikan idea-idea yang bernes, menyelitkan nasihat dan peringatan yang dapat dijadikan pemikiran masyarakat.

Puisi yang terkandung dalam buku ini sarat dengan permainan estetik dan makna yang inspiratif, seperti jelas pembicara karya Dayang Hajah Sariani yang mengulas karya kumpulan puisi ini sarat dengan ekspresi dan mudah difahami, iaitu luahan perasaan atau gagasan pemikiran yang dipancarkan, sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Tambahnya, terdapat beberapa jenis ekspresi di dalam kumpulan puisi tersebut, antaranya ekspresi sedih dalam sajak 'Ubat atau Beras'; ekspresi reda dalam sajak 'Selalu Ada Cinta'; ekspresi geram dalam sajak 'Gunung Berapi'; ekspresi kasih dalam sajak 'Menjunjung Kasih', 'Permata di Tampuk Negara', 'Tiara' dan 'Bidadari Diana'; juga ekspresi kasih dan rindu dalam sajak 'Buat Seorang Mama' dan 'Buat Seorang Bapa'.

Juga terdapat ekspresi rindu, seperti yang terdapat di dalam sajak 'Pada Suatu Waktu' dan 'Titian'; dan ekspresi kagum dalam sajak 'Perempuan dan Luka', 'Kunamakan Engkau Wanita Perkasa', 'Sahabat', 'Seorang Wanita', dan 'Bacalah Laut'.

"Selain itu, dalam karya kumpulan puisi ini juga terdapat Pantun Kedayan dan beberapa judul karya yang bersumberkan alam, antaranya 'Matahari Petang', 'Terbenamnya Matahari', 'Desa Pinggir Laut', 'Garis Cerah di Ufuk Senja', 'Kenawai dari Hulu', 'Tsunami di Hatinya' dan banyak lagi," jelas beliau.

Sebagai kesimpulannya terang beliau lagi, terdapat unsur feminism yang tinggi dalam hasil karya tersebut dengan berjaya mengadun alam, flora dan fauna, selain turut mempunyai gaya bahasa yang menarik, seperti simile, personifikasi, metafora, anafora dan perulangan dan banyak menggunakan simbol bagi menterjemahkan gelodak emosi atau batin penulis.

Manakala novel 'Kasut Tumit Tinggi Alya' pula memfokuskan perbincangan tentang Hikmah dalam Kehidupan dan Kaitan Hikmah Kehidupan Alya dengan Model Belia Brunei Cemerlang, jelas pembedah karya kedua, Pengiran Haji Amirul Amin bin Pengiran Haji Jamaluddin.

'Kasut Tumit Tinggi Alya' menceritakan mengenai perjalanan

SEBAHAGIAN daripada orang ramai yang hadir.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

kehidupan Alya yang melalui pelbagai pengalaman dan peristiwa yang menjadikan bukti jerih payah, kekuatan dan kecekalan akan berakhir menjadi sesuatu kebanggaan.

Pada sesi bedah karya tersebut, pembedah karya turut menyentuh beberapa aspek di dalam novel tersebut, antaranya menerusi tema dan persoalan, di mana novel tersebut secara keseluruhan bertemakan Hikmah dalam Kehidupan, namun memfokuskan persoalan tentang kejayaan Alya mencapai cita-citanya, kepentingan menjaga silaturahim dalam keluarga, nilai persahabatan dengan sahabat karibnya yang tiada tandingan, ketabahan dan

kesabaran Alya dalam menghadapi ujian dan mendepani rintangan hidupnya dan sebagainya.

"Antara persoalan lain yang menjadi penekanan ialah sikap berbaik sangka sesama manusia, usaha kuat merupakan tangga mencapai kejayaan, pemupukan minat kreativiti Alya, kasih sayang dan cinta yang dilukiskan melalui watak Alya kepada manusia dan haiwan, reda atas ketentuan Ilahi dan mengajarkan tentang bersedekah itu merupakan amalan mulia," jelas beliau.

Pengiran Haji Amirul Amin juga turut mengulas tentang aspek lain seperti sudut pandangan dan teknik penulisan, aliran dan latar juga watak-watak.



Suntik semangat ASEAN pelajar



Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

PEMANGKU Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan menyampaikan Taklimat Kenali ASEAN.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) semasa mendengarkan Taklimat Kenali ASEAN.

BELAIT, Khamis, 5 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN - COCI kali ini mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA).

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan

tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan di antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Program yang berlangsung di Dewan SMSA itu dihadiri seramai 169 penuntut sekolah berkenaan berserta tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat 'Kenali Negara ASEAN' bertujuan untuk membarigakan juga membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa, seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN, selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi tersebut dalam membangun negara-negara anggotanya.

Taklimat juga dapat mananamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para



PEGAWAI Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan (kiri) mengendalikan Kuiz ASEAN bagi pelajar-pelajar SMSA.

penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Antara pengisian program ialah 'Taklimat Kenali ASEAN', disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Tema ASEAN 'The ASEAN Way', seterusnya menyaksikan tayangan klip video mengenai ASEAN.

Kuiz ASEAN dikendalikan oleh

Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Dona Azfina binti Ibrahim.

Program diteruskan dengan penyampaian hadiah Kuiz ASEAN kepada lima orang penuntut dan penyampaian cenderamata.

Program juga diselajurkan dengan mempromosikan aplikasi mudah alih 'We ASEAN' yang mengandungi maklumat mengenai ASEAN dan Negara-negara ahli ASEAN, Kalendar ASEAN, kuiz, galeri gambar dan video. Aplikasi tersebut merupakan salah satu projek di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN - COCI. Ia boleh dimuat turun melalui Google Play bagi pengguna Android and App Store bagi pengguna iOS.

Sukan

INFO SUKAN

KEJOHANAN Futsal Piala Menteri Kesihatan yang berlangsung di Dewan Serbaguna Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 1 Mac 2020 dijuarai oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan setelah menewaskan pasukan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah 3 - 1. Kejohanan tersebut antara lain bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu untuk diserapkan dan mewakili Kementerian Kesihatan, sama ada dalam sukan futsal atau bola sepak.



ePaper Pelita Brunei

NFABD Grassroot Field baharu dirasmikan



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan bergambar kenangan sejurus menyempurnakan pelancaran NFABD Grassroot Field di Berakas.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Mac. - NFABD Grassroot Field yang baharu diharap dapat diguna pakai

dengan baik dan sempurna, di samping menjaga kebersihan juga keselamatan di sekitar padang.

Ia juga dihasrat untuk membantu perkembangan bola sepak di peringkat akar umbi dan belia-belia juga kelab-kelab dan akademi-akademi dari luar

negara.

Setiausaha Agung NFABD, Awang Mohd. Shahnon bin Haji Mohd. Salleh ketika ditemui bual mengingatkan demikian pada Pelancaran NFABD Grassroot Field.

Menurutnya, padang tersebut mula dibina pada tahun 2017 dengan keluasan 1.05

meter merupakan projek yang dibiayai sepenuhnya di bawah FIFA dan ia mula digunakan pada tahun 2019.

Hadir menyempurnakan Pelancaran NFABD Grassroot Field tersebut, Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan.

260 murid sertai Kejohanan Festival Grassroot Bola Sepak



ANTARA murid-murid dari Sekolah-sekolah Rendah yang menyertai Kejohanan Festival Grassroot Bola Sepak Kluster 2 Tahun 2020 di NFABD Grassroot Field.

Tahukah Awda

SPESIES siput baharu yang ditemui di Tebing Sungai Kuala Belalong, Temburong kini mempunyai nama baharu, Craspedotropis Grethathunberga sempena nama aktivis alam sekitar remaja terkenal dunia dan calon Hadiah Nobel, Greta Thunberg.

Haiwan kecil itu ditemui berhampiran tebing sungai di Pusat Kajian Lapangan Kuala Belalong, Daerah Temburong oleh sekumpulan penyelidik antarabangsa dan pegawai tempatan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Menurut satu kajian yang diterbitkan dalam Biodiversity Data Journal, Craspedotropis Grethathunberga itu merupakan spesies siput kecil dengan saiz hanya dua milimeter panjang dan lebar satu milimeter, mempunyai sesungut berwarna kelabu dan cangkerang cekung.

Sumber : Siaran Akhbar UBD, 26 Februari 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'YANG MUDA DISAYANGI, YANG TUA DIHORMATI'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam